



JPS Selangor terima peruntukan RM191 juta

Laksana projek tebatan banjir

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Sejumlah RM191 juta diperuntukkan Kerajaan Selangor bagi pelaksanaan 48 projek tebatan banjir 2016 khusus untuk empat daerah kritikal di negeri itu.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, Hashim Osman, berkata daripada jumlah itu, sebanyak RM43 juta diperuntukkan di bawah Pembangunan

Negeri yang memfokuskan 21 projek.

Selain itu, katanya, peruntukan berjumlah RM53 juta diterima daripada Akaun Amanah Caruman Parit digunakan untuk melaksanakan 14 projek yang dijangka siap sepenuhnya tahun ini.

"Manakala 13 projek lagi akan dilaksanakan bermula 2016 dan dijangka siap pada 2017 dengan menelan belanja

sebanyak RM95 juta.

"Projek itu terdiri daripada projek baru dan projek sambungan yang akan dijalankan tahun ini," katanya kepada SelangorKini.

Empat daerah kritikal iaitu Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat menjadi tumpuan JPS Selangor dalam Rancangan Tebatan Banjir tahun ini.

Dalam pembentangan Belanjawan 2016, Kerajaan Negeri ber-

cadang menambah peruntukan pembangunan JPS kepada RM80 juta sekaligus mencatat peningkatan 70.21 peratus.

Pada masa sama, Hashim berkata, JPS Selangor sudah menyenaraikan beberapa program bagi mengatasi masalah banjir secara menyeluruh.

Katanya, sebanyak 50 peratus peruntukan pembangunan diterima daripada Rancangan Malaysia

ke-11 (RMK11) diletakkan khusus untuk program tebatan banjir terbabit.

"Justeru, hampir 100 peratus peruntukan daripada Akaun Amanah Caruman Parit yang diterima JPS Selangor sudah diperuntukkan untuk mencegah dan mengatasi kejadian banjir yang sedang dan diramal akan berlaku," katanya.

BERITA LANJUT DI MUKA 3



Aktiviti menggantung *Good Luck Charm* antara keunikan terdapat di FGS Dong Zen Temple, Jenjarom sempena sambutan Tahun Baru Cina. Aktiviti itu dipercayai dapat membawa kebaikan dan kebahagiaan sepanjang 2016.

Gambar oleh Asri Sapfie

Cadangan pinda OSA gugat demokrasi negara

SHAH ALAM - Cadangan 'tidak kena' Tan Sri Mohamed Apandi Ali untuk meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA) terus menjadi bualan seluruh rakyat Malaysia.

Rata-rata berpendapat cadangan itu untuk menjaga kepentingan pihak tertentu susulan pelbagai kebocoran maklumat membabitkan pentadbiran negara kian tersebar.

Usaha Peguam Negara itu juga lebih menjurus kepada kebimbangan beliau terhadap kesedaran dan terhakisnya keyakinan rakyat apabila terdedahnya maklumat membabitkan salah laku dan penyelewangan.

Apandi turut menimbang meningkatkan hukuman ke atas mereka yang membocorkan rahsia negara dengan hukuman penjara

seumur hidup dan 10 sebatan rotan.

Hukuman sama juga dicadangkan terhadap wartawan yang tidak mendedahkan sumber maklumat sedangkan mereka hanya melaporkan kenyataan dikeluarkan dari pihak kedua.

Alasan Apandi dengan mengaitkan hukuman mati kepada sesiapa yang membocorkan rahsia rasmi di China dilihat tidak

relevan untuk dipraktikkan di negara ini.

Ia susulan Malaysia mempunyai acuan demokrasi sendiri tanpa perlu dipengaruhi anasir luar kononnya untuk melindungi kepentingan negara.

Jika benar tindakan itu mahu dilaksanakan, maka nama Malaysia akan terus tercemar di mata dunia dan hanya dikenali sebagai sebuah negara menindas rakyat.

Pindaan Akta Rahsia Rasmi 1972

KEADILAN gerak kempen tolak hukum pemberi maklumat

SHAH ALAM - Keadilan menggerakkan kempen di media sosial untuk mendapatkan sokongan rakyat menolak cadangan pindaan Akta Rahsia Rasmi 1972.

Naib Presiden Keadilan, Rafizi Ramli, berkata ia susulan kenyataan Tan Sri Mohamad Apandi Ali yang berhasrat meminda akta terbabit dengan mengenakan hukuman lebih berat termasuk penjara seumur hidup dan sebatan.

Katanya, satu lagi unsur pindaan dicadangkan Peguam Negara adalah mendakwa wartawan dan editor berita yang menerbitkan berita berkenaan maklumat bocor.

"Memandangkan cadangan

pindaan itu penindasan terhadap wartawan dan kebebasan media, saya percaya perkara ini menjadi isu antarabangsa yang memburukkan lagi imej Datuk Seri Mohd Najib Razak.

"Apandi disaran membatalkan hasratnya meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 sebelum beliau sendiri terjebak dalam kemarahan rakyat yang kini disasarkan kepada Perdana Menteri," katanya dalam kenyataan.

Katanya, usul pindaan itu dilakukan ketika kredibiliti Apandi sebagai Peguam Negara berada pada tahap paling rendah ekoran keputusannya menutup siasatan RM2.6 bilion.

Rafizi berkata, pelbagai salah laku penyelewengan dan rasuah didedahkan kepada orang ramai berikutan dokumen bocor sejak tujuh tahun lalu.

"Saya sendiri banyak mengendalikan pendedahan ini termasuk skandal NFC, 1MDB, pembelian jet mewah, penganugerahan kontrak LRT kepada George Kent oleh Perdana Menteri yang tidak mengikut saranan Jawatankuasa Perolehan dan lain-lain.

"Kebocoran maklumat adalah salah satu sebab utama imej Barisan Nasional jatuh merudum ekoran selalu disabitkan dengan salah laku rasuah dan penyelewengan," katanya.

CADANGAN PEGUAM NEGARA HUKUM PEMBERI MAKLUMAT PENJARA SEUMUR HIDUP & 10 SEBATAN



PAS: Pulih integriti bukan cadang penjarakan wartawan

SHAH ALAM - Peguam Negara digesa menumpukan tenaga memulihkan imej jabatannya daripada membazir masa memikirkan idea menghukum wartawan yang melaporkan rahsia 'dibocorkan'.

Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata Peguam Negara perlu bersifat adil, namun malangnya rakyat berpendapat elemen itu tiada.

"Semua institusi pihak berkuasa hanya boleh berfungsi sebagai semak danimbang kepada badan eksekutif jika Jabatan Peguam Negara mengekalkan kebebasan dan integritinya.

"Tanpa Jabatan Peguam Negara yang bebas dan adil, maka akan hancurlah integriti negara," katanya dalam kenyataan pada 7 Februari lalu.

Media melaporkan bahawa Peguam Negara, Tan Sri Mohamad Apandi Ali sedang menimbang meminda undang-undang bagi meningkatkan hukuman ke atas mereka membocorkan rahsia negara dan wartawan melaporkannya.

Tuan Ibrahim berkata, amanah dalam menjaga rahsia organisasi dan negara penting, namun mereka yang membocor rahsia atas prinsip 'amal makruf nahi mungkar' jauh lebih mulia daripada menggunakan "rahsia"



Semua institusi pihak berkuasa hanya boleh berfungsi sebagai semak danimbang kepada badan eksekutif jika Jabatan Peguam Negara mengekalkan kebebasan dan integritinya

TUAN IBRAHIM Timbalan Presiden PAS

sebagai alasan tidak mengambil sebarang tindakan.

"Disarankan Peguam Negara menimbangkan dahulu meminda undang-undang supaya mereka yang melindungi pesalah boleh dihukum penjara seumur hidup," katanya.

NGO wartawan bidas syor Peguam Negara sekat demokrasi

SHAH ALAM - Cadangan Peguam Negara mengenakan hukuman lebih berat terhadap pihak membocorkan rahsia rasmi disifatkan serangan ke atas kebebasan bersuara.

Pusat Kewartawanan Bebas (CIJ) berkata, situasi seperti "shooting the messenger" (menembak penyampai utusan) itu menunjukkan Kerajaan Persekutuan tidak tahan dengan kritikan.

"Kami ingin mengingatkan Peguam Negara, hak untuk kebebasan berucap dan bersuara

di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan termasuk hak untuk maklumat, atau ringkasnya, hak untuk tahu.

"Sebarang batasan kepada hak ini hanya dengan pengecualian dan harus mempunyai matlamat sah yang perlu dan seimbang," katanya pada 7 Februari lalu.

Sementara itu, Gerakan Media Marah (GERAMM) menggesa Peguam Negara, kerajaan dan penggubal undang-undang menggubal akta pemberi maklumat yang dapat melindungi

wartawan dan sumbernya melaporkan hal sebenar kepada orang ramai.

Katanya, tindakan mengancam media yang hanya menjalankan tugas melaporkan isu berkenaan kepentingan awam adalah tidak wajar sama sekali.

"GERAMM khuatir cadangan Peguam Negara, Tan Sri Apandi Ali untuk menguatkan Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA), apatah lagi apabila beliau seolah-olah menasaskan media dan wartawan dalam kenyataannya itu," katanya.

NOW: Hukum pesalah rasuah, lindungi pemberi maklumat

SHAH ALAM - Hukuman lebih berat perlu dikenakan terhadap pelaku pecah amanah atau pesalah rasuah, bukan pemberi maklumat yang perlu dilindungi.

Pengarah National Oversight & Whistleblowers (NOW), Akmal Nasir (**gambar**), berkata cadangan Peguam Negara menghukum pemberi maklumat termasuk penjara seumur hidup dan sebatan adalah tidak wajar.

Katanya, tindakan merahsiakan urusan kerajaan melalui Akta Rasmi Rahsia (OSA) tidak lagi relevan, mengambil kira aras orang ramai terhadap integriti adalah tinggi sejajar dengan peredaran zaman.

"Mustahil kerajaan menyimpan rahsia terutamanya membawa natijah buruk kepada masyarakat kerana sesiapa sahaja memiliki maklumat itu dan mempunyai kesedaran boleh tampil ke hadapan sebagai pemberi maklumat.

"Malah, tindakan kerajaan merahsiakan perkara daripada rakyat menimbulkan syak wasangka dan lazimnya ia dibuat untuk melindungi golongan tertentu," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, undang-undang dan penguatkuasaan sepatutnya menumpukan kepada usaha mengangkat tatakelola baik, keterbukaan, ketelusan dan



integriti dalam pentadbiran kerajaan.

"Kegagalan tindakan pembaikan dan pencegahan secara dalaman menyebabkan pemberi maklumat mencari saluran alternatif dan demi kepentingan orang ramai," katanya.

Atasi masalah banjir

Kerajaan Negeri ada pelan strategik

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor merancang pelan jangka pendek dan panjang untuk mengatasi masalah banjir di seluruh negeri.

Pengarahnya, Hashim Osman, berkata perancangan jangka panjang pula memfokuskan kepada penyelenggaraan saluran secara berkala termasuk parit, sungai dan kolam tadahan banjir serta kolam takungan.

Katanya, JPS Negeri turut menaik taraf pintu air rosak dan memasang pam sementara di kawasan sering terlibat banjir.

"Manakala perancangan jangka panjang pula memfokuskan kepada kajian tebatan banjir dan reka bentuk terperinci bagi sistem saluran serta menaik tarafnya dengan membina struktur parit.

"JPS Negeri juga turut melebar dan mendalamkan sungai bagi meningkatkan kapasiti tadahan, memasang pam kekal

berkapasiti tinggi di kawasan 'hotspot' banjir dan membina kolam tadahan banjir," katanya kepada SelangorKini.

Pada masa sama, Hashim berkata, JPS Negeri turut menetapkan syarat kepada pemaju tanah untuk mengunapakai garis panduan yang mensyaratkan penyediaan kolam takungan dalam semua pembangunan tanah.

Beliau turut berharap semua program dijadualkan berjalan lancar mengikut spesifikasi dan reka bentuk serta dapat disiapkan awal seperti yang dirancang.

"Pelaksanaan program tebatan banjir dapat membantu serta mengurangkan masalah banjir yang kerap berlaku khususnya di daerah Petaling, Klang, Gombak dan Hulu Langat.

"JPS turut berharap program ini dapat mengurangkan impak negatif dan memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam mengatasi banjir," katanya.



Perancangan jangka panjang pula memfokuskan kepada kajian tebatan banjir dan reka bentuk terperinci bagi sistem saluran serta menaik tarafnya dengan membina struktur parit

HASHIM OSMAN
Pengarah JPS

Jalan siap, penduduk lega

BANTING - Penduduk di Kuala Langat khususnya Sungai Raba boleh menarik nafas lega apabila projek menaik taraf Jalan Banting-Raba (B58) atau dikenali sebagai Jalan Sultan Abdul Samad siap sepenuhnya.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata projek sepanjang 5.6 kilometer (KM) dengan kos RM32 juta itu memberi keselesaan kepada penduduk dan pengguna jalan raya.

Katanya, ia juga mengurangkan kesesakan lalu lintas ketika waktu puncak selain mengurangkan kemalangan akibat keluar masuk dari premis persendirian.

"Selain itu, ia juga memendekkan waktu perjalanan dan kemudahan jejantas untuk murid sekolah melintas dengan lebih selamat.

"Kita juga menaik taraf longkang sedia ada supaya tiada lagi berlaku banjir di kawasan rendah terutamanya di Sekolah Jenis Ke-

bangsaan Tamil Jugra," katanya ketika majlis penyerahan jalan terbabit.

Zaidy berkata, Kerajaan Negeri prihatin khususnya berkenaan keselesaan pengguna jalan raya yang sering mengadu kesesakan jalan serta beberapa aduan lain.

"Projek ini mengambil masa tiga tahun tiga bulan bermula pada 25 September 2012. Namun, atas faktor pengalihan utiliti, kerja tambahan pengurusan tapak, ujian lain dan pemindahan kuil, akhirnya projek ini siap Disember 2015," katanya.

Beliau berkata, skop utama menaik taraf jalan itu membabitkan dua laluan kepada empat laluan.

Pada 2016, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM373 juta kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor bagi membiayai pembangunan projek infrastruktur dan kemudahan awam.

la meningkat sebanyak RM54 juta berbanding 2015.

Pengangkutan awam vs KIDEX

PUCHONG - Cadangan penambahan pengangkutan awam dilihat lebih efisien berbanding pembinaan lebuh raya, kata Adun Kinrara, Ng Sze Han.

Merujuk kepada Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX), Sze Han berkata, pembinaan lebuh raya itu bukan jalan penyelesaian terbaik bagi merungkit kesesakan lalu lintas di kawasan terbabit.

"Hari ini kita lihat masyarakat lebih selesa menggunakan pengangkutan awam khususnya penduduk di Puchong dan Bandar Kinrara.

"Ia juga memberi manfaat kepada orang ramai berulang alik ke Petaling Jaya, Kuala Lumpur dan destinasi lain," katanya ketika sidang media, di Bandar Kin-

rara, pada 3 Februari lalu.

Sementara itu, Adun Bukit Gasing, R Rajiv berkata, dalam cadangan Pelan Induk Pengangkutan Awam Kerajaan Negeri terdapat tujuh hentian stesen yang dicadangkan sepanjang Laluan Sunway BRT.

Katanya, jajaran itu menghubungkan beberapa kawasan perumahan dan komersial, bermula dari stesen KTMB Setia Jaya di hadapan Pangsapuri Mentari Courts sehingga ke USJ 6, selepas pusat membeli-belah Summit.

"Kita sudah kemukakan cadangan itu sejak lima April 2014 iaitu 21 bulan yang lalu, namun sehingga kini tidak ada sebarang maklum balas dari kerajaan persekutuan," katanya.



Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali kagum melihat kesempurnaan penulisan ayat suci Al-Quran dihasilkan kanak-kanak di Masjid An-Nabawi, Madinah

SELANGOR KINI SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB
KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus
PENGARANG: Nurul Farina Nazlan
PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naemem Raffi, Afeeqa Afeera
WARTAWAN:
Hafizan Taib: hapizantab@mediaselangor.com,
Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,
Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,
Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,
Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,
Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com

JURUGAMBAR: Asri Sappie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob
GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Bantu operasi banjir di Melaka

SHAH ALAM - Pengurusan Kecemasan Bencana Malaysia (KHIDMAT Malaysia) Zon Tengah dan Zon Selatan digerakkan bagi membantu operasi bantuan banjir di Melaka.

Ketua Pengarah KHIDMAT Malaysia, Dato' Iskandar Abdul Samad, berkata Zon Tengah terdiri dari Selangor, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Manakala, Zon Selatan pula terdiri dari Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

Beliau berkata, Pengarah Operasi KHIDMAT Malaysia Pusat bagi misi itu adalah Mohd Nazree Mohd Aris (No Tel 016-345 8538).

Sementara itu, Pengarah bagi peringkat negeri Melaka adalah Lokman Md Daud (No. Tel. 019-712 1424) dan Setiausaha Operasi adalah Tuan Haji Malik Yusof (No. Tel. 013-661 9065)

Lokasi pejabat operasi untuk gerak kerja bantuan itu adalah di Pejabat PAS Kawasan Alor Gajah, Jalan Murai Jaya 3, Kampung Padang Keladi, 76100 Durian Tunggal, Melaka.



Najib dabik dada, rakyat menderita

SHAH ALAM - Keluhan rakyat berkenaan peningkatan kos sara hidup di sebalik kemelesetan ekonomi hari ini dikongsi Adun Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari.

Beliau dalam satu *posting* di Facebook berkata, baik golongan peniaga mahupun profesional mengeluh susulan kenaikan harga barang, kejatuhan nilai ringgit termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

"Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bangga dapat mengutip RM39 bilion daripada GST, tetapi tahukah dia seorang nenek tua menangis teresak esak ketika saya juma."

"Katanya, duit kebajikan yang ada tidak cukup untuk beli keperluan harian dan membayar bil," katanya.

Pada masa sama, katanya, tindakan Najib menggantikan Peguam Negara ekoran 'tidak setia' kepadanya dianggap sebagai ganggu gugat dalam pentadbiran kerajaan.

Katanya, nasib sama bakal menimpa Gabenor Bank Ne-



Yaakob Sapari

gara dan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekaligus menyebabkan pentadbiran menjadi cacat merba.

"Saya didatangi bekas kakitangan Malaysia Airlines (MAS) yang mengeluh masih tidak mendapat pekerjaan setelah dibuang dan pekerja kontrak syarikat petroleum yang tidak sanggup berada di bawah pentadbiran Najib.

"Najib tetap hidup mewah bersama permaisurinya. Doakan semoga Najib cepat turun demi kebaikan rakyat semua," katanya.

Khairuddin: "Mohon keampunan Allah"

SHAH ALAM - Setiausaha PAS Selangor, Mohd Khairuddin Othman hanya mampu memohon keampunan Allah ekoran tindakannya mengenakan pakaian didakwa sesetengah pihak menyerupai pakaian Dewa Cao Guo Jiu iaitu salah satu dewa kepercayaan masyarakat Cina.

Khairuddin berkata, beliau bukan sahaja tidak mengetahui pakaian dikenakannya pada majlis sambutan Tahun Baru Cina itu menyerupai pakaian Dewa Cao Guo, malah beliau dimaklumkan penduduk di situ bahawa pakaian serba merah itu adalah pakaian ala tradisi Maharaja China.

"Perayaan Tahun Baru Cina adalah perayaan masyarakat Cina dan saya percaya pakaian itu adalah budaya serta ia tidak ada kena mengena dengan agama.

"Sebagai menghormati majlis budaya bangsa lain, saya tak menolak untuk memakainya. Saya serahkan isu ini kepada kepimpinan pusat untuk putuskan kedudukan saya.

"Kalau tersalah dari segi hukum, saya mohon keampunan dari Allah dan maaf jika ada yang tersinggung. Saya yakin PAS dipimpin oleh kepimpinan ulama dan mereka lebih arif dari segi hukum dalam masyarakat majmuk seperti Selangor. Apa pun pan-

Kalau tersalah dari segi hukum, saya mohon keampunan dari Allah dan maaf jika ada yang tersinggung. Saya yakin PAS dipimpin oleh kepimpinan ulama dan mereka lebih arif dari segi hukum dalam masyarakat majmuk seperti Selangor. Apa pun pandangan nanti, saya terima

KHAIRUDDIN OTHMAN
Setiausaha PAS Selangor

dangan nanti, saya terima," kata Khairuddin dalam kenyataan kepada SelangorKini, 9 Februari lalu.

Gambar Mohd Khairuddin mengenakan pakaian serba merah ala Maharaja China, berjanggut dan bermisai palsu hingga paras dada pada satu Majlis

Sambutan Tahun Baru Cina di Wangsa Permai menjadi viral di laman sosial facebook sejak 8 Februari lalu.

Sementara itu, di akaun laman sosial facebook Khairuddin, SelangorKini mendapati terdapat komen memberikan sokongan dan memuji tindakan beliau yang berani mengakui kesilapan dan teguran dengan hati terbuka.

"Pendirian harus dipuji. Salah dan mengaku salah, mohon maaf. Syabas, ramai orang tak mampu buat ini. Setelah meneliti gambar memang sudah saya cam bahagian mata tu. Apa pun berhati-hati lain kali," tulis Wan Amir Al-Hafiz.

Bagaimanapun Cheryl Berenice pula menulis "YB Khairuddin, yang itu bukan dewalah, itu cuma mitos orang Cina. Orang Cina tak sembah ikon tu. Saya rasa tak ada apa-apa pun. Lagipun warga tua Cina gembira sambut YB pada hari itu YB jangan risau," katanya.

Pendapat Cheryl Berenice turut senada dengan beberapa kenalan berbangsa Cina kepada Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor, Shafie Ngah.

"Saya merujuk kepada ramai orang Cina. Mereka setuju itu bukan pakaian dewa. Mereka juga setuju itu pakaian maharaja zaman dulu-dulu," tulis Shafie pula.

Dewan Ulama PAS anggap salah faham

SHAH ALAM - Dewan Ulama PAS Pusat menyifatkan isu Adun Paya Jaras, Khairuddin Othman didakwa berpakaian menyerupai ala dewa berlaku bukan bertujuan melanggar batasan agama jauh sekali memperkecil serta mem-

persenda syariat Islam.

Timbalan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (*gambar*), berkata sebaliknya apa yang berlaku hanya kerana salah faham dan tidak mengamati kedudukan menyeru-

pai bentuk amalan agama lain.

Katanya, beliau mengharapkan kepada semua ahli PAS lebih berhemah dalam apa jua tingkah laku membabitkan keagamaan.

"Ia supaya tidak menimbulkan permasalahan dan fitnah

kepada semua agama yang wujud dalam negara tercinta ini," kata dalam kenyataan.

Dr Nik Muhammad juga berharap kesilapan itu tidak berulang lagi di masa hadapan.

"Kita harap segalanya diamunkan Allah SWT," katanya.



Genap setahun jadi tahanan politik

Lebih 3,000 gegar Himpunan 365 bebas Anwar

OLEH NAZLI IBRAHIM

SUNGAI BULOH - Lebih 3,000 peserta hadir dalam Himpunan 365 #Bebaskan Anwar yang diadakan di hadapan Penjara Sungai Buloh mendesak pembebasan bekas Ketua Pembangkang daripada tahanan politik sejak setahun lalu.

Himpunan itu turut dihadiri Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, pemimpin badan bukan kerajaan (NGO) dan individu penting lain seperti Nurul Izzah Anwar, Shamsul Iskandar Md Akin, Sivarasa Rasiah, Saari Sungib, Dr Xavier Jayakumar, Zuraida Kamaruddin, Datuk Seri Lajim Ukin, Datuk A. Samad Said, Khalid Samad dan ramai lagi.

Orang ramai yang menghadiri himpunan itu terpaksa meletak kenderaan sejauh kira-kira satu kilometer untuk ke tapak perhimpunan yang dihadiri peserta dari seluruh negara.

Adun Hulu Kelang, Saari Sungib ketika menyampaikan ucapan pembukaannya memberitahu hadirin ketika ini beliau berada dalam 'khabar tak baik' ekoran Anwar masih lagi dipenjarakan.

"Adakah kita berada dalam keadaan baik ketika Datuk Anwar berada dipenjara," katanya.

Presiden Angkatan Belia Islam (ABIM), Mohamad Raimi Ab. Rahimpula berkata, insan seperti

Anwar tidak lahir setiap tahun.

"Beliau adalah insan terpilih untuk mengubah negara ini kepada lebih baik," katanya.

Senator KEADILAN, Siti Aishah Shaik Ismail berkata, walaupun Anwar bukanlah bapa kandung semua orang, tetapi beliau adalah bapa kebebasan rakyat dan negara.

Selain ucapan, himpunan itu turut diselangi dengan pelbagai acara lain seperti nyanyian dan deklamasi sajak.

Dr Wan Azizah, Nurul Izzah dan barisan kepimpinan lain turut melepaskan burung merpati sebagai simbolik kepada pelancaran Himpunan 365 #BebasAnwar.

Anwar perlu hak rawatan

SHAH ALAM - Human Rights Watch (HRW) mendesak Kerajaan Malaysia membebaskan Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada tahanan politik sempena setahun beliau dipenjarakan.

Timbalan Pengarah HRW Asia, Phil Robertson, berkata Kerajaan Malaysia juga perlu memastikan Anwar diberikan akses rawatan bersesuaian ketika dipenjara dan rawatan ke luar negara untuk mengubati kesakitan dialaminya.

"Pendakwaan terhadap Anwar Ibrahim adalah bermotif politik dan beliau sudah setahun

dipenjara serta dinafikan hak keadilan," katanya dalam kenyataan.

Katanya, keyakinan terhadap sistem keadilan di Malaysia juga terus terhakis setiap hari sejak Anwar dipenjarakan.

"Kerajaan perlu membebaskan Anwar segera dan memansuhkan undang-undang menekan," katanya.

Sebelum ini, Anwar menegaskan, beliau tidak bersalah dan itu adalah cubaan menjatuhkan karier politik beliau.

Katanya, beliau tidak akan mengalah dan percaya Allah sentiasa bersamanya.

Bebas Anwar, ikut saluran perundangan sah

SHAH ALAM - Sempena genap setahun penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 10 Februari, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menggesa beliau dibebaskan segera secara sah menurut saluran perundangan.

Presiden ABIM, Mohamad Raimi Ab. Rahimpula berkata, Anwar juga perlu dibersihkan daripada segala sabitannya melalui semakan kehakiman yang sedang diusahakan barisan peguam beliau.

Katanya, sementara proses tersebut berlangsung, beliau harus diberikan segala haknya sebagai tahanan politik yang dijamin di bawah perundangan antarabangsa.

"Ini termasuklah hak bagi

mendapatkan rawatan berterusan menurut pilihannya bagi mengubati kesakitan dan kecederaan beliau yang kini sudah pun berusia 68 tahun," katanya dalam kenyataan pada 9 Februari lalu.

Beliau berkata, ABIM turut menuntut supaya hak Anwar bertemu peguam beliau yang dijamin perundangan undang-undang diberikan sepenuhnya tanpa sekatan politik dan birokratik.

"Keluarga Datuk Seri Anwar Ibrahim juga haruslah diberikan akses sepenuhnya untuk bersua, bertemu mata dan berkomunikasi tanpa sebarang halangan dengan beliau sewaktu di penjara," katanya.

Mesej lintas langsung Azmin dari Masjidil Haram

SUNGAI BULOH - Jarak beribu batu tidak menghalang Timbalan Presiden KEADILAN, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali untuk bersolidariti bersama rakyat di Himpunan 365 #BebaskanAnwar melalui lintas langsung.

Melalui video lintas langsung dari Masjidil Haram, Mohamed Azmin menzahirkan rasa bersyukur diberi kesempatan mendoakan Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan dari penjara ketika menunaikan ibadah Umrah di Mekah.

"Ketika ini saya berada di Masjidil Haram dan dimaklumkan beribu orang berhimpun di hadapan penjara Sungai Buloh.

"Saya mohon maaf kerana tidak dapat hadir sebab saya se-

dang mengerjakan Umrah ketika ini.

"Saya juga bersyukur diberi kesempatan mendoakan kebebasan dan kesejahteraan Datuk Seri Anwar, Datuk Seri Dr Wan Azizah dan keluarganya semoga mereka sentiasa dalam lindungan Allah," kata Mohamed Azmin dalam lintas langsung berdurasi lima minit itu.

Mohamed Azmin turut mengingatkan orang ramai supaya tidak melupakan pengorbanan Anwar tidak kira di mana sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Mohamed Azmin dan isterinya, Datin Seri Shamshida Taharin kini berada di Mekah sejak minggu lalu bagi menunaikan ibadah Umrah.



Rakyat hadir sebagai tanda sokongan Himpunan 365 #Bebaskan Anwar

LFL: Letak Anwar bawah tahanan rumah

SHAH ALAM - Lawyers for Liberty (LFL) menggesa Kerajaan Persekutuan supaya bekas Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan dan diletakkan di bawah tahanan rumah.

Pengarah Eksekutif LFL, Eric Paulsen, berkata Anwar mengalami masalah kesihatan dan diberikan akses terhad kepada rawatan perubatan, manakala pemenjaraan berterusan beliau

mencemarkan reputasi antarabangsa Malaysia.

"Selaras dengan status Anwar sebagai 'banduan hati nurani' dan kebimbangan yang dibangkitkan di peringkat dunia, kami menyeru pihak berkuasa melepaskannya dan mengenakan tahanan rumah ke atasnya.

"Ia supaya beliau boleh menghabiskan sisa hukumannya di sebuah fasiliti pemulihan dengan kawalan keselamatan

minimum dan supaya beliau boleh menerima rawatan perubatan tidak didapatinya di dalam penjara," katanya dalam kenyataan.

Sebelum ini, Mahkamah Persekutuan mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan yang mendapati Anwar bersalah dalam kes fitnah liwat 2 yang menghukum Ketua Umum KEADILAN itu penjara selama lima tahun.

Layari tvselangor untuk menonton ucapan penuh https://youtu.be/ZC-2jm_Z0ds

Simbolik Monyet Api

Tahun penuh cabaran kemakmuran & kecerdasan



OLEH AFEEQA AFEERA

TAHUN Monyet Api dalam zodiak China menjadi simbolik masyarakat Cina terhadap elemen pendorong kejayaan, improvisasi dan kecerdasan.

Monyet paling terkenal dalam budaya China adalah Raja Monyet dengan lagenda klasik "Perjalanan ke Barat" yang memiliki kekuatan, keberanian dan ketelusan.

Monyet juga dianggap sebagai simbol kesihatan dan umur panjang yang menjadi kepercayaan kaum itu sempena Tahun Baru Cina kali ini.

Ia dianggap sebagai perayaan terpenting bagi kaum Cina ekoran sambutan itu melambangkan

titik permulaan nasib dan kehidupan.

Tahun penuh cabaran

Bagaimanapun, tahun ini turut berdepan cabaran getir daripada pelbagai aspek, tetapi boleh diatasi jika kerjasama



utuh terus dijalinkan.

Mengambil semangat itu, Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali mengajak rakyat Selangor supaya memberanikan diri berdepan cabaran.

Katanya, cabaran itu mungkin ditakuti pihak lain, namun ia boleh digunakan sebagai platform membentuk sasaran dan impian lebih baik.

"Marilah kita memberanikan diri berdepan cabaran yang bakal tiba dengan penuh keyakinan dan semangat demi masa hadapan.

"Tahun ini adalah tahun kemakmuran dan nasib baik serta bagi yang sukakan cabaran dan bercita-cita tinggi untuk mencapai kejayaan," katanya dalam perutusan Tahun Baru Cina.



Makanan dan kepercayaan

Lazimnya, sebelum tahun baru bermula, sanak saudara dari jauh akan berkumpul, rumah dicuci, segala hutang piutang diselesaikan kemudian disusuli upacara membakar mercun.

Tidak dilupakan, masyarakat Cina turut menghiasi kediaman mereka dengan pokok dan buah limau sebagai simbol murah rezeki.

Makanan juga adalah bahagian penting pesta keramaian tradisi masyarakat Cina seluruh dunia menjelang Tahun Baru Cina.

Bagi masyarakat Cina di Malaysia, yee sang, salad ikan mentah cara teochew adalah satu daripada makanan popular yang biasa dihidangkan pada Tahun Baru Cina.

Makanan ini terdiri daripada hirisan sayur-sayuran pelbagai warna serta ikan mentah dihidangkan sebagai pembuka selera sebelum makan tengah

hari atau makan malam.

Ketika menggaul yee sang, masing-masing akan menyatakan hajat diinginkan dengan kuat supaya semua dapat mendengar ucapan mereka dan tercapailah impian itu.

Di Malaysia, satu daripada pantang larang Tahun Baru Cina adalah menyapu rumah pada hari pertama ekoran bimbang akan menyapu nasib baik.

Pemberian angpau

Sampul duit berwarna merah atau angpau yang biasanya diisikan sejumlah wang dijadikan sebagai hadiah menyambut Tahun Baru Cina.

Sejak lama, warna merah melambangkan kegembiraan, kebaikan dan kesejahteraan dalam masyarakat Tionghoa yang akhirnya akan membawa nasib baik kepada penerima.

Angpau diagihkan kepada ahli keluarga setiap tahun yang dianggap sebagai idaman terutama bagi golongan kanak-kanak.

Angpau kebiasannya diberi pasangan berkahwin kepada rakan yang masih bujang dan ahli keluarga sebagai simbol mendapat rahmat, sementara ibu bapa pula akan memberi angpau kepada anak mereka yang belum berkahwin.

Apa pun tradisi atau kepercayaan masyarakat Cina, ia disambut penuh makna seperti masyarakat Islam yang meraikan Hari Raya Aidilfitri dan kaum India yang merayakan Deepavali.



Bayar balik pinjaman 98 peratus

Peruntukan HIJRAH 2016 ditambah RM31 juta

OLEH NAZLI IBRAHIM

SUNGAI BULOH - Peruntukan bagi program pinjaman usahawan negeri, HIJRAH ditambah RM31 juta tahun ini kerana sambutan menggalakkan daripada usahawan.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata jumlah itu diputuskan Kerajaan Negeri selepas mengambil kira prestasi bayaran balik peminjam HIJRAH yang tinggi sehingga mencecah 98 peratus pada tahun lalu.

"Kerajaan Negeri tidak perlu lagi menambah RM100 juta lagi sama seperti tahun lalu kerana disiplin bayaran balik usahawan kita yang meminjam sangat baik hingga mencecah 98 peratus bayaran balik.

"Kerajaan Negeri bukan mengecilkkan peruntukan tetapi kewangan yang ada mencukupi untuk HIJRAH terus beri bantuan kepada usahawan," kata Dr Daroyah ketika merasmikan Malam Gemilang Usahawan Hijrah Selangor Cawangan Subang di Kelab Golf Bukit Rahman Putra, pada 7 Februari lalu.

Jelasnya, prestasi bayaran balik yang tinggi itu membolehkan kedudukan kewangan tabungan pinjaman tanpa faedah itu sentiasa berada dalam keadaan kukuh sekaligus boleh dimanfaatkan kepada peminjam baru.

Dr Daroyah turut melahirkan keyakinan sasaran seramai 1,000 peserta bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berjaya dicapai.

Katanya lagi, kira-kira 18,000 usahawan seluruh Selangor sudah menerima bantuan pinjaman daripada skim HIJRAH.



Peserta bergambar kenangan pada Malam Gemilang Usahawan HIJRAH Cawangan Subang

Segi Fresh beri 30 tapak niaga percuma

SUNGAI BULOH - Peserta HIJRAH kini boleh mengembangkan pasaran perniagaan di empat Pasaraya Segi Fresh apabila memorandum persefahaman ditandatangani dengan HIJRAH Selangor baru-baru ini.

Pengurus Besar Kanan Segi Fresh, Fong Leong, berkata selain memasarkan produk peserta HIJRAH di pasaraya itu, mereka turut ditawarkan peluang berniaga di tapak niaga disediakan secara percuma.

"Syaratnya mereka harus menjadi ahli HIJRAH Selangor. Kami menawarkan tapak di beberapa Pasaraya Segi Fresh di Subang, Balakong, Teluk Pangli-

ma Garang dan akan datang di Pandamaran Klang.

"Dianggarkan 30 tapak kesemuanya dengan setiap pasaraya ada lapan hingga 10 tapak. Sesiapa yang berminat boleh mendaftar sama ada melalui pejabat HIJRAH atau secara terus di Pasaraya Segi Fresh," katanya.

Beliau berkata, bagi memasarkan produk di Segi Fresh aspek pembungkusan perlu diberi perhatian dengan sistem bar kod dan tanda halal.

"Bungkusannya juga haruslah dipastikan ada tanda halal kerana majoriti pelanggan kami adalah orang Melayu," kata Leong kepada SelangorKini pada



Fong Leong

Majlis Malam Gemilang Usahawan HIJRAH Selangor Cawangan Subang di Kelab Golf Bukit Rahman Putra di sini, pada 7 Februari lalu.

Katanya, Segi Fresh turut memberi bimbingan kepada usahawan yang berminat menceburi diri dalam bidang perniagaan peruncitan pasaraya.

"Segi Fresh membekalkan ilmu supaya mereka lebih memahami selok belok perniagaan peruncitan lebih mendalam

"Kami juga memberikan Kad Segi HIJRAH kepada peserta untuk mereka dapat membeli barangan di Segi Fresh pada tawaran harga rendah," katanya.

Man Kidal - HIJRAH kerjasama galak masyarakat niaga

SUNGAI BULOH - Skim HIJRAH ditawarkan Kerajaan Selangor bagi membantu rakyat menjana pendapatan sebagai usahawan menarik perhatian gitaris legenda negara, Man Kidal atau nama sebenarnya, Abdul Rahman Mahmood.

Gitaris utama kumpulan Lefthanded itu berkata, skim pinjaman itu membantu masyarakat di Selangor keluar daripada kemelut peningkatan kos sara hidup yang semakin meningkat.

"Kami sedia jalin kerjasama dengan HIJRAH untuk adakan program bagi menarik minat orang ramai menceburi bidang perniagaan.

"Kami akan berbincang dengan HIJRAH selepas ini untuk adakan program bersama," kata Man Kidal ketika ditemui SelangorKini pada Majlis Malam Gemilang Usahawan HIJRAH Selangor Cawangan Subang di Kelab Golf Bukit Rahman Putra di sini, baru-baru ini.

Beliau yang merupakan pene-



Kami sedia jalin kerjasama dengan HIJRAH untuk adakan program bagi menarik minat orang ramai menceburi bidang perniagaan

raju syarikat MKLabel Sdn Bhd itu bagaimanapun berkata, bentuk kerjasama kedua pihak hanya diumumkan selepas perbincangan dijalankan.



Diskaun kompaun sempena Tahun Baru Cina

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengadakan kempen khas pengurangan kompaun trafik sempena sambutan Tahun Baru Cina kali ini.

Yang DiPertua MPK, Dato' Mohamad Yasid Bidin, berkata kempen itu menawarkan pengurangan bayaran kompaun letak kereta sebanyak RM15 dan RM200 bagi kompaun trafik kenderaan berat.

"Majlis mengadakan kempen khas Gong Xi Fa Chai bermula 4 Februari hingga 31 Mac ini dengan tawaran diskaun bayaran kompaun.

"Semoga sambutan perayaan kali ini disambut dengan kemeriahan, tetapi diingatkan juga supaya berwaspada ketika memandu pulang ke kampung halaman," katanya ketika mempengerusikan Mesyuarat Penuh MPK, baru-baru ini.

Mohamad Yasid turut mengajak orang ramai supaya tidak melepaskan peluang mendapatkan diskaun bayaran kompaun sepanjang kempen berlangsung.

Pada masa sama, katanya, MPK juga akan mengadakan Hari Bersama Pelanggan pada hari Jumaat minggu terakhir setiap bulan membabitkan jabatan dan agensi luar seperti Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Jabatan Parit dan Saliran (JPS) Negeri.

"Program ini akan diperluaskan di lokasi lain yang akan ditentukan kelak jika mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai," katanya.

MPK sasar capai lima bintang

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) komited meningkatkan tahap penyampaiannya bagi mencapai penggredan lima bintang pada tahun ini.

Yang Dipertuanya, Dato' Mohamad Yasid Bidin, berkata capaian menerusi Sistem Penggredan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) itu mampu mewujudkan budaya kecemerlangan berteraskan prestasi melalui peragaan sihat.

"Dimaklumkan lawatan Inspektorat SPB-PBT yang dahulunya lebih sinonim dengan 'Star Rating' dijadualkan akan ke MPK pada 13 April ini.

"SPB-PBT juga membantu PBT supaya memantapkan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat, pelanggan dan 'stakeholders,' katanya pada 4 Februari lalu.

Katanya, penggredan SPB-PBT diadakan dua tahun sekali dengan penggredan terakhir dilaksanakan pada 2013 menyaksikan MPK memperolehi 85.20 peratus dan pengurangan empat bintang.

"Harapan saya pada tahun ini, Majlis akan mendapat pengiktirafan lebih cemerlang untuk SPB-PBT daripada empat bintang kepada lima bintang.

"Apa yang penting adalah kerjasama sebagai satu pasukan demi mendapatkan kejayaan cemerlang," katanya.

Cukai taksiran MPK 2015

Kutip lebih RM143 juta

OLEH NAZLI IBRAHIM

KLANG - Sejumlah RM143 juta cukai taksiran berjaya dikutip Majlis Perbandaran Klang (MPK) sehingga 31 Disember 2015, kata Yang Dipertuanya, Dato' Mohamad Yasid Bidin.

Beliau berkata, kutipan itu adalah 91 peratus daripada nilai keseluruhan RM157.2 juta bagi penggal pertama dan kedua 2015.

Katanya, MPK juga berjaya mengutip cukai taksiran tertunggak bernilai RM26.5 juta atau 60 peratus berbanding RM44 juta jumlah keseluruhan.

"MPK ingin mengingatkan bahawa pemilik harta bertanggungjawab terhadap pembayaran bil cukai mereka.

"Jika bil itu tidak diterima, pemilik boleh menghubungi talian 03-3375 5555 atau datang sendiri ke kaunter bayaran dan pejabat cawangan untuk mendapat salinan," katanya ketika mempengerusikan Mesyuarat Penuh MPK di sini, pada 4 Februari lalu.

Katanya, MPK turut membuka kaunter tambahan bagi Kempen Perkhidmatan dan Pembayaran Cukai Taksiran pada Februari ini di empat lokasi terpi-

Jika bil itu tidak diterima, pemilik boleh menghubungi talian 03-3375 5555 atau datang sendiri ke kaunter bayaran dan pejabat cawangan untuk mendapat salinan

DATO' MOHAMAD YASID BIDIN



lih di Klang, selain kaunter utama Bangunan Sultan Alam Shah.

Empat lokasi itu, AEON Jusco Bukit Tinggi dibuka pada 6,7,13 dan 14 Februari, jam 10.30 pagi hingga 10.00 malam; AEON Jusco, Bukit Rajah pada 20, 21, 27 dan 28 Februari dari jam 10.30 pagi hingga 10.00 malam.

Manakala bagi Pasaraya Giant Bukit Tinggi pula dibuka setiap Isnin hingga Jumaat dari jam 10.00 pagi hingga 4.00

petang, Sabtu dan Ahad dari jam 10.00 pagi hingga 9.00 malam dan Kaunter Pembayaran Pasar Besar, Jalan Meru Klang pada Isnin hingga Jumaat dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang dan pada hari Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.

Katanya, pemilik harta juga boleh membuat bayaran di semua kaunter bayaran pihak berkuasa tempatan (PBT) Selangor dan pejabat POS.



Penguatkuasa Kesihatan Persekitaran MPK meyamak kondisi barangan makanan



Pasaraya jual barang tamat tempoh diserbu

KLANG - Sebuah pasaraya terkenal menjual barangan tamat tempoh diserbu Majlis Perbandaran Klang (MPK) dalam satu operasi khas, baru-baru ini.

Pengarah Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz, berkata beberapa barangan turut disita setelah pasaraya terbabit didapati melanggar Akta Makanan 1983.

"Ia membabitkan beberapa produk makanan ekoran kesalahan label makanan, barangan tamat tempoh (barang lama), tin didapati kemek (rosak) serta beberapa kesalahan lain.

"Mana-mana premis yang menjual makanan sudah tamat tarikh luput, rosak, tercemar, tidak berlabel dan tidak mempunyai maklumat lengkap akan berdepan tindakan tegas termasuk si-

taan," katanya dalam kenyataan.

Norfiza berkata, operasi dijalankan Jabatan Kesihatan itu diketuai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Kanan), Mazlan Gany bagi melindungi pengguna daripada bahaya kesihatan dan penipuan.

"Pengguna dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada menjelang musim perayaan terutama daripada segi mutu makanan, label bungkusan dan pastikan makanan dibeli berkualiti, bersih dan bermutu.

"Orang ramai juga perlu memastikan barangan dibeli di dalam tin tidak berkarat, menggelembung atau kemek serta mempunyai tarikh luput bagi mengelakkan masalah berkenaan kesihatan," katanya.

Mana-mana premis yang menjual makanan sudah tamat tarikh luput, rosak, tercemar, tidak berlabel dan tidak mempunyai maklumat lengkap akan berdepan tindakan tegas termasuk sitaan

NORFIZA MAHFIZ
Pengarah Komunikasi Korporat MPK

'Kantoi' buang sampah

309 individu terima kompaun serta-merta

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Seramai 309 individu yang membuang sampah di tempat tidak sepatutnya dikenakan kompaun serta-merta oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK). Kompaun sebanyak RM10 itu dikenakan ke atas pesalah yang didapati membuang puntung rokok dan bungkus makanan di kawasan pentadbiran MPK sepanjang 2015.

ia adalah sebahagian daripada

621 kompaun yang dikeluarkan Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Perkhidmatan Persekitaran MPK dalam Operasi Kutu Sampah.

Statistik Pengeluaran Kompaun 2015 dikeluarkan jabatan tersebut juga menunjukkan 85 kompaun lain dikenakan melalui Operasi Bersepadu, manakala 227 lagi melalui pemantauan dan aduan awam.

Sementara itu, ketika mengulas sikap orang ramai yang tidak

mementingkan kebersihan, Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin, berkata pendidikan menjaga kebersihan harus dimulakan dari rumah dan sekolah.

"Sikap menjaga kebersihan itu harus wujud dalam hati, bukannya kerana takut dikenakan kompaun barulah kita tidak buang sampah merata-rata.

"Tetapi bila tiada operasi, mereka terus dengan sikap tidak menjaga kebersihan," katanya kepada Selangor Kini, baru-baru ini.

36 kenderaan buang sampah haram disita

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) terus meningkatkan usaha membentasi aktiviti pembuangan sampah haram dengan mengadakan intipan dan operasi khas di kawasan pentadbirannya.

Berdasarkan statistik 'Ops Buang-Pemantauan Pembuangan Sampah Haram', sebanyak 36 kenderaan terlibat aktiviti tidak bertanggungjawab berjaya disita bermula Mei 2015 hingga Januari 2016.

Statistik dikeluarkan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perkhidmatan Persekitaran MPK itu menunjukkan kenderaan disita membabitkan 27 lori, tiga kenderaan pacuan empat roda, empat van dan dua kereta.

Jalan Kebun Nenas, Klang merekodkan kawasan terbanyak kenderaan disita dengan 12 lori, dua kenderaan pacuan empat roda dan sebuah van.

Kawasan lain yang terlibat adalah Flat Chi Liung di Pandamaran, Jalan Utama Meru, Lorong Raja Mokhtar 2, Jalan Bendahara



38 dan 42, Jalan Dato' Dagang 15 dan Jalan Air Mata Duyung serta Telok Gong.

Selain itu, ia turut melibatkan Jalan Benteng Off Jalan Keretapi Lama di Kapar, Jalan Aman Perdana, Jalan Goh Hock Huat, Jalan Young di Pandamaran dan Jalan Kampung Batu Tiga.

Difahamkan, pihak MPK meletakkan beberapa penguatkuasa untuk mengintip kawasan berkenaan sebelum serbuan dibuat ketika aktiviti pembuangan sampah haram sedang dijalankan.

MBSA tingkat operasi pemeriksaan di premis

SHAH ALAM - Jabatan Kesihatan Persekitaran, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) meningkatkan pemeriksaan di premis sekitar Shah Alam dalam usaha mencegah kes demam denggi.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, pemeriksaan secara berkala akan dilakukan pihaknya terutama di kawasan berpotensi sebagai tempat pembiakan.

"Pemeriksaan akan sentiasa dilakukan terutamanya di kawasan kediaman, kawasan berstrata, kilang, tapak binaan, ins-titut pengajian tinggi awam/swasta, sekolah, tadika dan se-bagainya.

"MBSA akan mengeluarkan kompaun di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) jika pihak berkenaan didapati bersalah membiak jentik-jentik aedes," katanya lapor Sinar Harian.

Katanya, pihak MBSA sudah mengadakan pemeriksaan terhadap 1,764 premis di sekitar Shah Alam bulan lalu termasuk kediaman, rumah kedai dan restoran.

"Aktiviti semburan atau 'fogging' pula sudah dilakukan di 55,424 premis dan 59 kompaun

MBSA akan mengeluarkan kompaun di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) jika pihak berkenaan didapati bersalah membiak jentik-jentik aedes

SHAHNIN AHMAD
Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA

dikeluarkan atas kesalahan membiak jentik-jentik aedes.

"Selain itu, MBSA juga mengedarkan sebanyak 5,101 risalah dan 283 poster berkenaan demam denggi," katanya.

Berdasarkan statistik, pada minggu ketiga Januari lalu, sebanyak 296 kes dilaporkan di kawasan MBSA berbanding 322 kes pada minggu kedua.



Ahmad Zaharin bersama Adun Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari menyerahkan tong sampah untuk kemudahan penduduk

MBSA edar 100 tong sampah kepada penduduk Seksyen 24

SHAH ALAM - Sebanyak 100 unit tong sampah diedarkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kepada penduduk Seksyen 24, baru-baru ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad, berkata penyerahan tong sampah itu bertujuan memudahkan orang ramai membuang sampah secara sistematik.

Katanya, ia adalah sebahagian daripada 300 unit tong sampah yang diterima MBSA daripada

Kerajaan Negeri.

"100 unit diedarkan kepada penduduk sekitar Seksyen 24 yang terletak dalam Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 8.

"Manakala 200 unit tong sampah lain diedarkan di Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 6 dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 23," katanya dalam kenyataannya.

Program Penyerahan Tong Sampah Kepada Penduduk Seksyen 24, Shah Alam disempur-

nakan Datuk Bandar MBSA, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad.

Katanya, program itu adalah komitmen berterusan MBSA untuk memupuk sikap mementingkan kebersihan dalam kalangan warga Shah Alam supaya lebih bertanggungjawab memelihara alam sekitar.

"Usaha itu diharap dapat memberi didikan kepada warga Shah Alam, sekaligus memastikan bandar raya ini sentiasa bersih dan indah," katanya.



01



02



03



06



05



04



07



08



09

- 01**
Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar meluangkan masa menonton filem Ola Bola bersama pelajar PT3 Tuisyen Dari Rakyat untuk Rakyat di NU Sentral
- 02**
Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh meluangkan masa menghadiri sesi dialog keselamatan penduduk bersama Balai Polis USJ8 untuk meningkatkan keselamatan di DUN itu pada musim perayaan
- 03**
Adun Kinrara, Ng Sze Han mengedarkan beras yang dicampur sebagai simbolik perayaan Tahun Baru Cina untuk berkongsi kegembiraan dengan semua kaum di DUN itu
- 04**
Exco Negeri, V Ganabiratu bersama sebahagian peserta latihan kaligrafi anjuran PEKAWANIS DUN Kota Alam Shah sempena sambutan Tahun Baru Cina
- 05**
Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin bersama Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua mengambil peluang beramah mesra dengan masyarakat setempat di Pasar Pagi Taman Megah dan Kampung Chempaka
- 06**
Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman mengedarkan kalendar, angpau dan limau mandarin di premis perniagaan kaum Cina
- 07**
Adun Hulu Kelang, Saari Sugib mengedarkan 700 bungkusan buah limau kepada pengunjung pasar pagi Kuala Ampang untuk berkongsi kegembiraan dengan kaum Tionghua sempena Tahun Baru Cina
- 08**
Exco Negeri, Amirudin Shari bersama pimpinan tempatan beramah mesra dengan masyarakat Tionghua di Selayang Baru sambil mengedarkan limau sempena Tahun Baru Cina
- 09**
Adun Dengkil, Shahrudin Mohd Sharif berdialog secara santai bersama komuniti orang asal di Sungai Buah sempena Majlis Pelancaran Program Mesra Jiran

Penyelesaian isu kutipan sampah dan tapak pembuangan sampah haram

Perkembangan terkini isu kutipan sampah yang pernah menjadi perhatian masyarakat bukan sahaja di Selangor, apakah masalah ini sudah dapat diatasi dan daripada segi statistik aduannya adakah menunjukkan penurunan?

Sejak pentadbiran baru di bawah Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali kita mengambil beberapa langkah penting untuk menambah baik perkhidmatan dalam dua skop kerja iaitu kutipan sampah dan pembersihan awam seperti di jalan, longkang dan sebagainya.

Untuk kutipan sampah rumah, saya rasa sehingga hari ini saya lihat kita sudah stabil, tiada masalah besar dan kita dapat maklum balas penduduk beritahu tiada masalah besar kutipan sampah di kawasan perumahan.

Ada penduduk beritahu kontraktor dilantik kerajaan sekarang ini memang tepat pada masanya dalam menjalankan tanggungjawab diberikan.

Kedua adalah isu pembersihan awam seperti sapu sampah di jalan, cuci longkang, potong rumput dan sebagainya, memang ada isu atau aduan kita terima di beberapa kawasan dan kita mengambil sikap serius untuk menangani isu ini kerana kita mahu Selangor bersih.

Arahan sudah diberi kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT), Yang DiPertua (YDP) dan Pengarah yang menjaga kebersihan supaya mereka mengambil inisiatif turun padang untuk mengawal sistem penghantaran dengan memastikan kontraktor mereka memang mengikut spesifikasi ditetapkan PBT.

Kalau dahulu masa Kerajaan Negeri mula-mula mengambil alih pengurusan sampah daripada Alam Flora, statistik aduan pernah menunjukkan jumlah aduan yang tinggi. Bagaimana statistik sekarang?

Statistik tiada di tangan saya pada masa ini tetapi mengikut mesyuarat saya dengan PBT, memang kutipan sampah tidak ada masalah besar tetapi yang ada masalah sekarang adalah pembuangan sampah haram dan sampah pukul di tepi jalan dan ini ada kaitan dengan perengai atau mentaliti masyarakat sendiri tetapi bukan semua berperangai macam itu.

Kerajaan Negeri tubuh pasukan khas di peringkat PBT yang dianggotai ahli penguatkuasa dan pasukan ini khususnya turun padang melaksanakan penguatkuasaan. Sekarang dalam proses penubuhan. Pasukan ini

Isu sampah, kilang haram dan pembangunan kampung baru

Proaktif selesai masalah rakyat

Pagi Isnin 17 Oktober 2011 yang sepatutnya tenang sebaliknya 'ribut' apabila media arus perdana berlumba-lumba melaporkan 'kegagalan' Kerajaan Selangor menguruskan kutipan sampah pada hari pertama pengambilalihan.

Walaupun Kerajaan Negeri sendiri mengakui terdapat masalah ketika proses pengambilalihan tugas yang selama ini dipikul Alam Flora Sdn Bhd kepada kontraktor baru dilantik tetapi gambaran diberikan melampaui keadaan sebenar.

Tambah memburukkan keadaan, wujud pula anasir upahan sanggup melaksanakan agenda keji mensabotaj dengan menuang semula timbunan sampah yang datang entah dari mana sebaik sahaja kerja kutipan sampah dilaksanakan kontraktor yang sah.

Selepas beberapa bulan, walaupun terdapat kelemahan di sana sini, kerja kutipan sampah kontraktor dilantik secara terus oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) menjadi semakin baik.

Kini, selepas hampir lima tahun dengan menyaksikan banyak penambahbaikan sistem kutipan sampah dilaksanakan, Wartawan Kanan SelangorKini, **NAZLI IBRAHIM** berkesempatan mewawancara **EXCO KERAJAAN TEMPATAN, PEMUTIHAN KILANG HARAM DAN PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU, EAN YONG HIAN WAH** dalam membincangkan keadaan terkini isu sampah.

Kita sekarang membuat rangka baru dengan mengadakan projek perintis dalam beberapa bulan akan datang dengan memilih satu PBT yang akan merombak sistem penghantaran sampah dan pembersihan awam

tugasnya menjaga kebersihan dan mereka menyaman orang membuang sampah.

Tahun ini kita ada masalah kekurangan keanggotaan untuk penguatkuasaan kebersihan sebab itulah kita tubuh pasukan khas ini untuk mereka turun padang, menyemak dan menyasat orang membuang sampah haram.

Adakah langkah lain diambil Kerajaan Negeri untuk menambah baik sistem kutipan sampah?

Kita sekarang membuat rangka baru dengan mengadakan



projek perintis dalam beberapa bulan akan datang dengan memilih satu PBT yang akan merombak sistem penghantaran sampah dan pembersihan awam. Ini kita umum selepas kita buat keputusan.

Antara perkara menjadi isu di kawasan perumahan bertingkat selain kutipan sampah adalah isu masalah sampah pukul apabila kebanyakan penghuni membuang barang terpakai seperti perabot dan lain-lain di merata tempat di kawasan perumahan mereka. Pada pandangan YB, bagaimana perkara ini boleh diatasi?

Sampah pukul bukan sahaja berlaku di kawasan perumahan

bertingkat seperti rumah kos rendah dan sebagainya tetapi juga berlaku di perumahan teres.

Bagi perumahan bertingkat, biasanya mengikut undang-undang, jawatankuasa penduduk perlu bertanggungjawab menguruskan sampah dan juga kebersihan dalam kawasan atau kompaun mereka tetapi ada antara mereka menghadapi masalah kewangan ekoran penduduk tidak bayar caj penyelenggaraan dan sebagainya.

Kita beri cadangan kepada PBT terutamanya PBT yang ada keupayaan kewangan dengan beri perkhidmatan percuma kawasan yang hadapi masalah seperti di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Perbandaran Sunang Jaya

(MPSJ) apabila mereka memang ada perkhidmatan khas kepada pangsapuri yang tidak mampu menjaga kebersihan di tempat mereka. PBT akan menghantar kontraktor untuk membuat kutipan tetapi untuk kawasan yang ada kekangan sahaja.

Kita juga beri perkhidmatan secara tambahan jika penduduk mengadu ada masalah sampah tidak dikutip tetapi apa yang penting adalah mentaliti penduduk perlu berubah dengan mempunyai lebih kesedaran untuk bersama-sama menjaga kebersihan.

Pada pendapat YB adakah dengan menyediakan tong Roll-On Roll-Off (RORO) boleh mengatasi masalah ini?

Biasanya tong RORO ini diletakkan di kampung tradisi kerana di kampung kebanyakannya PBT tidak kutip cukup taksiran dan sebagainya. Jadi perkhidmatan adalah terhad tetapi PBT akan menghantar tong RORO ke kawasan kampung supaya mereka boleh buang sampah di tong berkenaan.

PBT berbincang dengan Pengerusi JKKK kampung untuk mereka bimbing penduduk kampung masing-masing supaya tidak membuang sampah merata tempat dan tidak membakar sampah di halaman rumah kerana PBT menyediakan tong RORO.

Bagaimanapun ada satu kes-kes negatif kerana apabila kita sediakan tong RORO, orang luar akan mengambil kesempatan membuang sampah di tong terbabit.

Bagaimana sekiranya tong RORO ini diletakkan di kawasan perumahan bertingkat untuk penduduk buang sampah pukal. Apa pendapat YB?

Ini kita masih sedang teliti. Meletakkan tong RORO di gang-sapuri boleh menyelesaikan sebahagian isu tetapi apa yang saya katakan tadi mentaliti penduduk kena tukar dengan mementingkan kebersihan dan membayar caj penyelenggaraan supaya persatuan penduduk boleh melantik pentadbir.

Bercakap soal kebersihan, kita dapat lihat bagaimana masyarakat di sebuah negara jiran didisiplinkan dengan mengenakan penguatkuasaan undang-undang yang ketat. Adakah kita boleh lakukan perkara serupa?

Saya rasa ada dua aspek, yang pertama adalah mengemukakan undang-undang seperti yang sedang dilakukan Kerajaan Negeri dengan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN).

Keduanya, adalah pendidikan. Kalau kita mahu rakyat kita berdisiplin, tidak membuang sampah merata tempat kita kena mulakan di peringkat sekolah rendah sampai universiti. Kena mula seawal yang boleh tetapi sistem pendidikan kita masih ada kekuangan, jadi kita perlu memupuk sikap ini lebih awal lagi baik.

Saya fikir sudah agak lama kita masih tidak habis lagi bercakap berkenaan mendidik masyarakat. Persoalannya, perkembangan dalam mendidik masyarakat mengenai kebersihan masih di takuk lama. Jadi sampai bila kita perlu mendidik sebelum boleh melaksanakan penguatkuasaan ketat?

Saya tidak pasti berapa lama kita masih perlu mendidik kerana dasar sistem pendidikan kita berada di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Di peringkat negeri kita boleh jalankan kempen kesedaran tetapi ini adalah untuk jangka masa panjang. Sekarang apa yang Kerajaan Negeri boleh lakukan adalah kita perlu mengetatkan undang-undang supaya dalam tempoh masa pendek kita boleh nampak kesannya. Kalau kita tunggu untuk mendidik perlukan masa.

Bila boleh dilaksanakan?

Saya harap tahun ini kita boleh dilaksanakan. Mungkin kita kenakan kompaun yang lebih tinggi. Kita juga boleh berikan kuasa kepada pegawai untuk mereka jalankan tugas dengan berkesan.

Berkecauan isu tempat pembuangan sampah haram pula, bagaimana perkara ini boleh diselesaikan? Apa langkah yang diambil PBT?

Kita melancarkan beberapa operasi khas dengan membuat pemeriksaan mengejut bersama Menteri Besar dan saya sendiri turun ke padang. Saya nampak ada kesannya. Kita menutup beberapa pusat pembuangan sampah haram yang besar di Selangor dan kita rampas tanah persendirian dijadikan tempat buang sampah haram.

Pemilik tanah tidak boleh mengatakan mereka tidak tahu tanah mereka dijadikan tapak sampah haram sebagai alasan kerana mereka bertanggungjawab ke atas tanah masing-masing. Kamu sebagai pemilik tanah, kamu bertanggungjawab jaga tanah kamu. Ini bukan satu alasan kukuh pada saya.

Tindakan ini agak berkesan dan banyak tapak sampah haram yang kita tutup. Selain merampas tanah, pihak PBT juga menyita lori.

Tindakan penyelesaian atasi status kilang haram

Pada April 2015 media melaporkan terdapat kira-kira 1,800 kilang haram yang masih beroperasi di Selangor. Apakah tindakan diambil Kerajaan Negeri?

Tujuan Kerajaan Negeri adalah membantu memutihkan status tanah dan bangunan mereka mematuhi undang-undang sedia ada. Kilang haram ini tak semestinya mereka menjalankan perniagaan tidak sah. Aktiviti yang mereka jalankan memang aktiviti sah dan bukan haram tetapi hanya status tanah dan bangunan mereka tidak mengikut undang-undang.



Fokus tahun ini adalah meneruskan apa yang sudah kita laksanakan seperti pembangunan infrastruktur di kampung baru dan kampung nelayan kerana ketika di era pentadbiran Barisan Nasional (BN) dahulu, kampung baru dan kampung nelayan memang dipinggirkan

Ini menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memberikan insentif kepada mereka memutihkan tanah dan kilang seperti permohonan menukar syarat tanah, diskaun 50 peratus untuk premium tanah dan sebagainya. Tujuan kita lakukan semua ini adalah untuk membantu industri di Selangor.

Sehingga kini, sudah berapa peratus kilang haram ini berjaya diputihkan?

Setakat ini lebih kurang 50 peratus kilang haram berjaya diputihkan sehingga hari ini.

Pembangunan kampung baru, kampung bagan dan kampung nelayan

Berkecauan isu pembangunan kampung baru dan kampung bagan atau kampung nelayan pula, apa perancangan untuk 2016?

Fokus tahun ini adalah meneruskan apa yang sudah kita

laksanakan seperti pembangunan infrastruktur di kampung baru dan kampung nelayan kerana ketika di era pentadbiran Barisan Nasional (BN) dahulu, kampung baru dan kampung nelayan memang dipinggirkan.

Sejak kita ambil alih Kerajaan Negeri, kita berikan peruntukan sebanyak RM5 juta setiap tahun untuk kampung ini. Dalam kampung baru biasanya kita salurkan untuk permohonan menaik taraf kemudahan awam seperti padang bola, pintu gerbang, gelanggang bola keranjang dan sebagainya dan untuk kampung nelayan pula kita akan menukar jambatan di kawasan kampung daripada jambatan papan yang uzur kepada jabatan konkrit.

Berapa banyakkah dibelanjakan Kerajaan Negeri untuk kampung baru dan kampung nelayan sejak mengambil alih pentadbiran Kerajaan Negeri pada 2008?

Sehingga kini Kerajaan Negeri sudah membelanjakan lebih kurang RM30 juta untuk membangunkan kampung baru dan kampung nelayan di Selangor.

Kita juga berjaya menyelesaikan banyak isu hak milik tanah di kampung baru dan kampung nelayan kerana sebelum ini BN gunakan isu tanah sebagai senjata politik memancing undi setiap kali pilihan raya tetapi bila kita masuk, tidak kira latar belakang politik penduduk, kita berjaya selesaikan hampir semua isu pemilikan tanah penduduk di kampung baru dan kampung nelayan di Selangor.

Setakat ini berapa lot tanah yang berjaya diselesaikan?

Saya tiada statistik ketika ini tetapi sudah lebih seribu lot tanah yang kita keluarkan hak milik.

Selain isu pembangunan kemudahan awam dan isu hak milik tanah, apa isu lain YB ingin kongsi mengenai kampung baru dan kampung nelayan ini?

Kebanyakan kampung ini di luar bandar dan ramai anak mudanya berhijrah untuk mencari kerja kerana ekonomi di kampung ini tidak berapa baik. Tiada golongan muda dan peluang pekerjaan.

Jadi, saya dan UPEN mengambil isu ini. Kita menjalankan beberapa program untuk meningkatkan taraf ekonomi di kampung baru dan kampung nelayan.

Sebagai contoh, Kampung Bagan Sungai Lima yang berjiran dengan Kampung Bagan Pulau Ketam. Penduduk semakin kurang dengan sumber ekonomi hanya menangkap ikan dan kita berusaha menjadikan kampung ini sebagai destinasi pelancongan.

Saya menganjur beberapa aktiviti seperti menghantar pelukis untuk mereka lukis di rumah dan sebagainya. Baru-baru ini terdapat sebuah produksi filem turut membuat penggambaran di tempat ini.

Sekarang kita mula nampak ramai pelancong memasuki kampung ini. Di kampung ini juga disediakan lima buah *homestay* yang dibangunkan di kawasan ini.

Secara keseluruhan, saya rasa hasrat Kerajaan Negeri melalui 12 PBT di Selangor fokus untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kita lebih efektif dan efisien.

Ini adalah apa yang rakyat minta. Mereka mahu kita bantu mereka untuk selesaikan masalah. Jangan tunggu rakyat buat aduan tetapi pegawai kita perlu turun padang menyemak masalah sebelum rakyat membuat aduan kepada kita. Ini fokus kita.

Walau jasad dipenjarakan namun jiwa bebas merdeka

Gerakan Reformasi demi rakyat

OLEH MOHD EZLI MASHUT

AMANAT terakhir Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum dipenjarakan pada 10 Februari 2015: "Saya takkan berhenti berjuang, Allah ada bersama. Saya takkan diam, saya akan berjuang hingga akhir."

"Saya ulang kenyataan yang saya tidak bersalah. Saya dan keluarga terkejut dengan keputusan ini. Ini memang konspirasi menjatuhkan karier politik saya," kata Anwar.

Kini tanggal 10 Februari 2016, genap setahun Anwar menjadi tahanan politik. Bukan calang-calang orang yang mampu bertahan dalam politik menerima tekanan hebat daripada pemerintah zalim.

Kira-kira 18 belas tahun lalu pada 1998 ketika Anwar dipenjarakan kerana kes fitnah liwat I, gerakan Reformasi dilancarkan. Gerakan kebangkitan rakyat ketika itu dipimpin isterinya sendiri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang juga Presiden KEADILAN.

Namun Reformasi diteruskan walaupun tanpa kelibat manusia bernama Anwar Ibrahim. Kekuatan Reformasi bukan bergantung pada Anwar semata-mata.

Ia bukan demi Anwar atau kerana Anwar. Reformasi adalah detik kebangkitan rakyat melawan kezaliman pemerintahan rejim Barisan Nasional.

Deklarasi Permatang Pauh yang diumumkan pada 12 September 1998 perlu dihayati kembali dalam menghidupkan

roh perjuangan agenda pembebasan rakyat. Ia perlu disemat di dalam hati setiap pejuang yang mengaku 'Reformis'.

Deklarasi Permatang Pauh menyorot semula keazaman, sekaligus memberi peringatan kepada kita betapa perjuangan Reformasi berhasrat melahirkan keadilan untuk semua kaum, menghapus diskriminasi ekonomi dan memberantas korupsi dan penyalahgunaan kuasa.

Ungkapan Reformasi wajar dihayati selaras ungkapan Nelson Mandela di dalam memoir Long Walk To Freedom:

"Untuk menjadi bebas bukan kerana membebaskan seorang insan dari kurungan penjara, tetapi iltizam hidup memperjuangkan kebebasan semua orang di bawah rejim yang zalim."

Sepanjang 18 tahun gerakan Reformasi banyak perubahan berlaku dalam landskap politik negara. Kekuatan perubahan itu diterjemahkan rakyat dalam Pilihanraya Umum Ke-12 dan 13 melalui penubuhan Kerajaan Pakatan Rakyat.

Sejurus itu, banyak program pro-rakyat dilaksanakan di Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Perak pasca PRU-12. Ketika ini rakyat dapat merasai sendiri perbezaan corak pemerintahan terapan Pakatan Rakyat berbanding Barisan Nasional.

Pengalilis Politik, Profesor Madya Shaharudin Badarudin, berkata Anwar dijangka terus mencorakkan politik negara dalam tempoh lama pada masa hadapan biarpun kini dipenjarakan kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN).

Keyakinan itu disuarakan beranggapan Anwar mampu bertahan lama berdasarkan faktor usia dan kesihatannya.

Gerakan Reformasi tidak pernah mati, malahan terus semarak dan subur menjadi obor perjuangan rakyat menuntut perubahan dan keadilan. Tanpa Anwar di lapangan bukan penghalang utama untuk merealisasikan perubahan di Putrajaya.

"Benar, kalian telah menghakimi saya – dan saya akan, untuk ketiga kalinya, melangkah ke penjara, tapi ketahuilah yang saya sama sekali tidak akan tunduk. Cahaya kekal menyinari saya."

"Melangkah ke penjara, saya anggap sebagai satu pengorbanan buat rakyat negara ini. Saya telah berjuang hampir seluruh kehidupan saya demi rakyat Negara ini – dan demi rakyat jugalah saya bersedia untuk ke penjara dan menghadapi sebarang bentuk akibat."

"Perjuangan saya akan diteruskan, ke mana saja saya dihantar dan apa jua yang diperlakukan ke atas saya," kata Anwar.



KRONOLOGI setahun gerakan pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim

10 FEBRUARI 2015

Anwar Ibrahim dipenjarakan di Sungai Buloh

Mahkamah Persekutuan mengekalkan hukuman penjara lima tahun terhadap Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kes Fitnah 2. Keputusan itu dibacakan Ketua Hakim Negara Tun Arifin Zakaria yang mengetuai lima anggota panel hakim. Anwar menegaskan, beliau tidak bersalah dan itu adalah cubaan menjatuhkan karier politik beliau.

"Mungkin ini adalah sedikit pengorbanan Anwar terutamanya kepada saya serta keluarga, anak-anak, cucu... ini adalah perjuangan. Perjuangan ini bukan sahaja untuk Anwar tapi untuk semua rakyat."

- Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Ketua Pembangkang

11 FEBRUARI 2015

Gerakan pembebasan Anwar 'March to Freedom' dilancarkan

Anak kedua Datuk Seri Anwar Ibrahim, Nurul Nuha memikul tugas berat seperti pernah dilalui kakaknya Nurul Izzah dalam menggerakkan pembebasan ayahnya melalui kempen 'March to Freedom'. Pengasasnya, Nurul Nuha berkata urus setia dibentuk untuk menjalankan kempen menuntut pembebasan itu dan melawan ketidakadilan yang berlaku di negara ini.

12 FEBRUARI 2015

Himpunan solidariti bebas Anwar di Penjara Sungai Buloh

Ratusan penyokong Anwar berhimpun di hadapan Penjara Sungai Buloh sebagai tanda solidariti dengan menyalakan lilin, membawa kain rentang dan mengedarkan poskad untuk menulis mesej serta kata semangat.

14 FEBRUARI 2015

Anwar kurus dan berpuasa dipenjarakan

Datuk Seri Anwar Ibrahim diberitakan semakin kurus dan mula berpuasa di penjara Sungai Buloh. Menurut anaknya, Nurul Izzah, ayahnya, masih bersemangat terus berjuang ketika lawatan sulung keluarga Anwar sejak dipenjarakan pada 10 Februari.

Solidariti bersama Anwar

Kira-kira seramai 400 orang gabungan mahasiswa dan anak muda berhimpun di pusat membeli belah Sogo sebagai sokongan terhadap Anwar. Turut hadir di perhimpunan itu ialah anak sulung Anwar, Nurul Izzah, Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK), Nik Nazmi Nik Ahmad, Adam Adli, Safuan Anang dan Fahmi Zainol.

7 MAC 2015

Himpunan desak Anwar bebas di Kuala Lumpur

Dianggarkan kira-kira 10,000 peserta himpunan aman mendesak pembebasan Anwar yang dipenjarakan dengan mengadakan perarakan aman dari Sogo menuju ke KLCC. Himpunan besar itu menerima sokongan rakyat daripada seluruh pelusuk negara dan antarabangsa mendesak supaya Anwar dibebaskan segera.

10 MAC 2015

Botak kepala protes pemenjaraan Anwar

Dua Ahli Parlimen Pakatan Rakyat (PR) dan seorang Adun Pulau Pinang secara sukarela membotakkan kepala mereka sebagai tanda protes terhadap pemenjaraan Anwar di depan bangunan Parlimen. Tiga pemimpin yang memulakan acara itu adalah Ahli Parlimen Kota Kinabalu, Wong Sze Pin; Ahli Parlimen Pasir Putih, Datuk Dr Nik Mazlan Nik Mohamad dan Adun Machang Bubuk, Lee Kai Loon.

7 APRIL 2015

Anwar kekal Penasihat Ekonomi Selangor

Datuk Seri Anwar Ibrahim kekal memegang jawatan Penasihat Ekonomi dan tiada keperluan membuat pelantikan baru. Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata walaupun Anwar dipenjarakan namun ia bukan halangan bagi mendapatkan idea dan rujukan daripadanya.



9 APRIL 2015

Dewan Negeri Selangor (DNS) lulus kutuk pemenjaraan
DNS meluluskan usul mengutuk pendakwaan bermotif politik terhadap Penasihat Ekonomi Selangor, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana ia tindakan yang tidak berasaskan demokrasi. Usul dibentangkan Adun Seri Andalas, Xavier Jeyakumar (PKR) itu diluluskan selepas dibahaskan beberapa Adun sebelum Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menggulung perbahasan. Mohamed Azmin ketika menggulung perbahasan berkata, 43 Adun PR di Selangor berdiri teguh di belakang Anwar.

2 JUN 2015

Amerika Syarikat desak Anwar perlu diberi keadilan
Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama memberi amaran kepada Malaysia dalam isu pendakwaan berprofil tinggi membabitkan Anwar yang dikatakan tidak mempunyai ketelusan. Beliau berkata, Malaysia perlu memahami sistem demokrasi bukan sekadar mengadakan pilihan raya supaya rakyat melihat keterbukaan dan ketelusan kerajaan terhadap sesuatu perkara.

17 JUN 2015

Fail petisyen pembebasan Anwar kepada PBB
KEADILAN meneruskan usaha membebaskan Anwar melalui permohonan petisyen pembebasan yang difailkan secara rasmi kepada Kumpulan Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Permohonan berkenaan penahanan Anwar itu diserahkan melalui peguam Jared Genser dan R Sivrasa, pada 15 Jun lalu.

11 OGOS 2015

Dr Yusuf Al Qaradawi mohon Anwar dibebaskan
Presiden Kesatuan Ulama Muslimin Sedunia, Sheikh Dr Yusuf Al Qaradawi menyeru dan merayu kepada Yang DiPertuan Agung, Sultan Abdul Halim Muazzam Shah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memberikan pengampunan terhadap bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Gesaan itu dibuat bagi menamatkan unsur kezaliman dalam kes ini yang menjejaskan imej dan nama baik Malaysia serta para pemimpinnya.

28 NOVEMBER 2015

Kongres KEADILAN tanpa Anwar, sayu tapi bersemangat
Walaupun sayu tanpa kehadiran Anwar pada kongres kali ini, laungan reformasi dan ucapan bermakna barisan kepimpinan parti membuktikan semangat perjuangan yang tidak pernah luntur. Naib Presiden KEADILAN, Nurul Izzah Anwar, berkata semangat ditunjukkan perwakilan memberi kekuatan tambahan kepada barisan kepimpinan untuk menghadapi cabaran politik.

5 JANUARI 2016

NGO sokong Anwar dinobatkan Tokoh Nobel Keamanan Dunia
Aktivis Otai Reformasi Malaysia '98 bersama 11 NGO lain menyokong usaha mencalonkan Anwar selaku Tokoh Nobel Keamanan Dunia. Pencalonan itu bagi menghargai sumbangan Anwar kerana berperanan menyuburkan proses dan amalan demokrasi serta menerajui reformasi di dalam atau luar penjara.

9 FEBRUARI 2016

Himpunan 365 setahun Anwar jadi tahanan politik
Orang ramai hadir memberikan sokongan mendesak supaya Kerajaan Persekutuan membebaskan Anwar yang genap setahun menjadi tahanan politik. Desakan itu turut disuarakan pelbagai pihak dalam negara dan antarabangsa agar keadilan diberikan kepada Anwar.



Man Kidal gesa anak muda

Teroka industri muzik harungi cabaran ekonomi

OLEH NAZLI IBRAHIM

SUNGAI BULOH - Industri muzik berpotensi besar menjadi lapangan menjana ekonomi buat anak muda jika ia dilakukan secara serius sebagai karier.

Gitaris legenda negara, Man Kidal atau nama sebenarnya, Abdul Rahman Mahmood, berkata anak muda perlu berani menggunakan bakat mereka bagi menjadikan muzik tapak membina karier dan tidak hanya terlalu bergantung kepada peluang kerja makan gaji ekoran kelembapan ekonomi kini.

Katanya, kelesuan ekonomi menyebabkan pasaran pekerjaan semakin terhad disamping pengeluaran modal insan

berkelulusan tinggi semakin ramai di pasaran sekaligus mewujudkan lebih ramai siswazah menganggur.

"Saya bermula masuk Battle Of The Band dan sekarang jadi kerjaya tetap. Bukan saya sahaja, malah ramai mulanya tiada apa-apa tetapi sekarang sudah berjaya dengan kerja keras dalam industri ini seperti Ella dan Nash.

"Daripada kita biarkan anak muda cenderung aktiviti tidak elok lebih baik tumpukan kepada muzik, mereka boleh jadikan muzik karier mereka," kata Man Kidal kepada SelangorKini pada Majlis Malam gemilang Usahawan HURAH Selangor Cawangan Subang di Kelab Golf Bukit Rahman Putra, pada 8 Februari lalu.

Bagaimanapun, pemain gitar utama kumpulan Lefthanded itu turut mengingatkan anak muda yang berminat menceburi industri muzik perlu mempunyai ketahanan mental yang kental.

Katanya, ia bagi menghadapi pelbagai cabaran sekaligus mengelakkan diri daripada terlibat dengan aktiviti boleh merosakkan reputasi dan industri seni.

Beliau berkata, golongan ini juga perlu berusaha memajukan diri dengan mendalami ilmu berkaitan industri muzik yang lazimnya tidak boleh didapati di universiti.

"Nak berjaya tidak ada yang mudah. Kita kena jumpa susah dahulu baru jumpa senang," katanya.



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR

NOTIS TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada petender-petender yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) serta mempunyai kemampuan dari segi kewangan, kepakaran dan berpengalaman dalam melaksanakan bidang-bidang yang dicadangkan seperti berikut :

| No. Sebut harga | Butir-Butir Kenyataan Tawaran Sebutharga | Kelayakan Penyebutharga | Harga |
|---------------------|---|---|---------|
| SH / PTGS/ 03 /2016 | PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN KERTAS SIMILI BOND 80 GSM BERKUALITI TINGGI SAIZ A3 PUTIH SERTA SAIZ A4 PUTIH DAN PELBAGAI WARNA UNTUK PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR. | Berdaftar dan membawa sijil asal Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 010201 DAN Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) | RM50.00 |

1. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada penyebut harga / wakil yang sah sahaja. Dokumen tawaran boleh diperolehi di bahagian seperti yang tertera dibawah mulai **10 FEBRUARI 2016 (RABU)** hingga **17 FEBRUARI 2016 (RABU)**:

Bahagian Khidmat Pengurusan
Tingkat 4, Pejabat Tanah Dan Galian Selangor
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

2. Penyebut harga dikehendaki membawa bersama sijil asal dan salinan **Akuan Pendaftaran Kontraktor dan Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera** daripada **Kementerian Kewangan Malaysia**, surat pendaftaran **UPEN** dan Wang Pos/Kiriman Wang atas nama "**BENDAHARI NEGERI SELANGOR**" berjumlah RM50.00 semasa pembelian dokumen sebut harga

3. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat :-

Pejabat Tanah Dan Galian Selangor
Tingkat 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Tarikh tutup : **17 FEBRUARI 2016 (RABU)** Jam 12.00 tengahari.

4. Pejabat Tanah dan Galian Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran

Tarikh : 10 Februari 2016

Pengarah
Pejabat Tanah dan Galian Selangor

Kutipan lebih sasaran

Asnaf terima agihan zakat RM676.3 juta pada 2015

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Sejumlah RM626.6 juta zakat harta dan fitrah berjaya dikutip Lembaga Zakat Selangor (LZS) dengan agihan RM676.3 juta kepada golongan asnaf pada 2015.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa, berkata kutipan itu melebihi sasaran dengan peningkatan RM44.4 juta berbanding 2014 sebanyak RM582.3 juta.

"Pada 2015, LZS mengutip zakat harta sebanyak RM605.2 juta, manakala zakat fitrah RM21.5 juta.

"Jumlah pengagihan juga meningkat berbanding tahun lalu sebanyak 14 peratus dengan perbezaan RM80.6 juta," katanya pada sidang media khas di Bangunan Sultan Idris Shah di sini,

pada 4 Februari lalu.

Katanya, kutipan zakat terbesar mengikut segmen disumbangkan Zakat Pendapatan (RM385.9 juta), Zakat Perniagaan (RM117.2 juta), Zakat Simpanan (RM38.1 juta) dan Zakat Harta (RM38.0 juta).

Selain itu, katanya Zakat Saham menyumbangkan RM10.1 juta, Zakat KWSP (RM9.7 juta), Zakat Emas dan Tanaman (RM2.5 juta), Zakat Qada (RM1.1 juta) dan Zakat Ternakan serta Perak (RM0.05 juta).

"Jumlah pembayar zakat harta bagi tahun lalu adalah seramai 256,540 orang iaitu peningkatan tiga peratus berbanding tahun sebelumnya seramai 248,013.

"Bilangan asnaf fakir yang menerima bantuan tahun lalu seramai 13,138 keluarga, manakala golongan asnaf miskin seramai 31,155 keluarga menjadikan



Mohamad Adzib (dua dari kanan) memegang simbolik prestasi LZS 2015

jumlah keseluruhan keluarga yang menerima bantuan seramai 44,293 keluarga," katanya.

Pada masa sama, Adzib ber-

kata, LZS terus komited menjalankan program Skud Jejak Kemiskinan (SJK) untuk menjejak golongan fakir dan miskin.

"Seramai 477 keluarga sudah ditemui dan didaftarkan sebagai asnaf fakir dan miskin melalui 21 siri SJK di seluruh Selangor," katanya.

Tiada halangan penceramah luar berdakwah di Selangor

SHAH ALAM - Penceramah dan cendekiawan agama dari luar bebas untuk berdakwah kepada masyarakat di Selangor, dengan syarat mereka memiliki tauliah.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata Kerajaan Negeri menekankan kelayakan seseorang penceramah supaya fahamannya tidak bercanggah dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Katanya, ia susulan hal ehwal agama Islam teletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri terutama Raja atau Sultan.

"Kita perlu memberi peluang kepada penceramah atau cendekiawan agama dari luar tidak kira dalam negara mahupun



Dr Ahmad Yunus

luar untuk menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat.

"Tidak dinafikan di sesebuah negeri memang ada ramai penceramah, tetapi tidak salah memberi peluang kepada ahli agama dari luar untuk menyebarkan ilmu pengetahuan," ka-

tanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri bersikap terbuka kepada penceramah tempatan dan luar, namun tapisan tertentu akan dijalankan supaya fahaman pihak terbabit tidak menimbulkan ketidakelesaan kepada orang ramai.

Kenyataan itu susulan isu 16 penceramah luar tidak dibenarkan berceramah di Johor termasuk Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin serta Exco Pemuda Umno dan penceramah bebas, Dr Fathul Bari Mat Jahaya.

Exco Agama Johor, Abdul Mutalip Abdul Rahim berkata, ramai individu di negeri itu pakar berkenaan agama dan masyarakat Islam di Johor tidak memerlukan orang luar untuk menjadi penceramah.

LZS sasar kutipan, agihan zakat RM645 juta

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) mensasarkan kutipan dan agihan zakat sebanyak RM645 juta pada tahun ini.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa, berkata ia mengambil kira faktor kesedaran masyarakat mengeluarkan zakat serta peningkatan jumlah asnaf dan fakir saban tahun.

Katanya, beberapa inisiatif akan dilaksanakan sebagai usaha meneraju perubahan bagi menyantuni asnaf dan memudahkan pengeluaran zakat.

"Zakat menambah dua cawangan di Klang dan Cyberjaya menjadikan jumlah keseluruhannya 28 buah cawangan di Selangor bagi memudahkan urusan pengeluaran zakat dibuat.

"Kita juga dalam usaha membuka Pusat Dialisis Bukit Jelutong dengan kerjasama Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) untuk memberi perkhidmatan kepada asnaf dengan kos rawatan ditanggung LZS," katanya pada 4 Februari lalu.

Katanya, LZS turut membina penempatan baru membabitkan sumbangan wang zakat berjumlah RM10.2 juta bagi 60 keluarga fakir dan miskin

Kita juga dalam usaha membuka Pusat Dialisis Bukit Jelutong dengan kerjasama Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) untuk memberi perkhidmatan kepada asnaf

MOHAMAD ADZIB
Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

di daerah Kuala Krai, Kelantan yang terlibat banjir besar pada penghujung Disember 2014.

"Pembinaan Laman Seri Ehsan bertujuan menyediakan kediaman selesa kepada golongan asnaf yang ditimpa musibah banjir.

"Antara kemudahan asas yang disediakan seperti stesen TNB, tangki air, jaringan jalan raya, enam lot perniagaan, Dewan serbaguna dan surau yang boleh menempatkan 300 jemaah," katanya.

MAIS: Penggantian kubah Masjid Negeri keperluan, bukan pembaziran

SHAH ALAM - Penggantian kubah Masjid Negeri Shah Alam tidak perlu dipertikaikan ekoran ia dilakukan demi kepentingan umat Islam.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa, berkata

tindakan itu bukan pembaziran, sebaliknya mengambil kira peranan masjid berkenaan yang selama ini sarat dengan aktiviti keagamaan.

"Disitu jugalah ramai muallaf memeluk agama Islam, jadi bukan isu penggantian kubah itu

sebagai satu pembaziran.

"Masjid Negeri itu juga adalah pusat tumpuan orang ramai, pelancong tidak kira dalam mahupun luar negara," katanya ketika sidang media khas di Bangunan Sultan Idris Shah di sini, pada 4 Februari lalu.

KUIS sedia makanan percuma

Bantu pelajar lapar Sains Magika

OLEH HAFIZANTAI B

BANDAR SERI PUTRA - Isu pelajar berlapar ekoran tidak makan mendapat perhatian Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang membantu golongan terabit menerusi bekalan makanan percuma.

Timbalan Rektor Pengurusan Korporat KUIS, Dr Zulkifli Abd Hamid, berkata usaha digerakkan universiti tersebut bermula sejak tahun lalu dengan kumpulan sasaran dibantu bagi mengatasi masalah dihadapi.

Katanya, bantuan terabit adalah daripada pensyarah selain yaysan dan pusat zakat universiti itu yang mendapat sumbangan pelbagai pihak dan orang ramai.

"Kita perlu mempunyai daya inisiatif untuk melihat pelajar sama ada mereka layak bagi bantuan ini apabila kebiasaannya maklumat diperoleh daripada rakan sejar serta Majlis Pimpinan Pelajar (MPP).

"Walaupun terdapat lebih kurang 400 pelajar miskin, tetapi yang layak kira-kira 130 orang sahaja kerana sebahagian mereka mendapat bantuan tajaan pusat zakat negeri masing-masing," katanya kepada SelangorKini dan percaya kemudahan sama turut terdapat di universiti lain di negara ini.

Dr Zulkifli berkata, biarpun tidak membabitkan jumlah besar iaitu kira-kira satu atau dua peratus daripada lebih 8,000 pelajar di universiti itu tetapi ia perlu dilihat dari sudut positif



bagi penyelesaiannya.

"Mungkin universiti lain menggunakan kaedah berbeza seperti memberikan wang tunai kepada pelajar tetapi kita di KUIS gunakan pakai kaedah memberikan bantuan makanan bagi mengatasi masalah pelajar sebegini," katanya menambah isu itu bukan baharu ekoran sudah berlarutan sejak 1970-an hingga kini.

Beliau berkata, keprihatinan pengurusan KUIS demi mengatasi masalah itu adalah bagi menunjukkan kepimpinan terbaik supaya menjadi contoh kepada pelajar yang akan mewarisi kepimpinan negara pada masa hadapan.

"Bila hari ini kita menunjukkan kepimpinan terbaik antara generasi tua dan muda maka kaedah sama akan mereka gunakan kepada generasi akan datang.

"Ia bertepatan dengan kata-kata Yusuf al-Qaradawi iaitu jika in-

Kedutaan Lesotho, UNISEL perkukuh kerjasama



SHAH ALAM - Universiti Selangor (UNISEL) menerimakan kunjungan Kedutaan Lesotho bagi mengukuhkan hubungan bersama Presiden dan juga Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman.

Lawatan pada 4 Februari itu diketuai Pesuruhjaya Tingginya, Dr Mabaphethi Moorosi-Molapo untuk menyemak semula perancangan dan projek dirancang

bersama UNISEL pada 2015.

Tahun lalu, Lesotho mengadakan lawatan ke UNISEL bersama wakil kedutaan Tanzania dan Zambia. Dalam lawatan itu, pelbagai kerjasama dirancang, antaranya program pertukaran pelajar dan kajian penyelidikan.

Difahamkan, seorang pelajar dari keluarga diraja Lesotho akan menyambung pengajian di UNISEL pada Mei depan.

40 pelajar serta Program Sains Magika

SHAH ALAM - Lebih 40 pelajar berumur tujuh hingga 12 tahun menyertai Program Sains Magika anjuran Pertubuhan Belia Sinar Kasih.

Anjuran itu mendapat kerjasama dengan Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Kerajaan Selangor yang diadakan di Kampung Sungai Kayu Ara.

Menurut laman Facebook Exco Pendidikan, program Sains Magika bertujuan menimbulkan minat pelajar melalui dunia silap mata dengan penerangan prinsip sains disebaliknya.

Program dijalankan graduan aliran sains terdiri daripada ahli ju-

ruitera, kimia dan fizik itu secara tidak langsung memberi penerangan berkenaan disiplin sains.

Antara eksperimen dijalankan termasuk genggam telur, struktur *monocoque* dan kaitan daya, tekanan dan luas permukaan.

Selain itu, pelajar juga didedahkan berkenaan belon helium, ketumpatan gas, alat pemadam api, membina alat pemadam api karbon dioksida dengan sodium bikarbonat dan cuk, serta Gyroscope.

Program itu diharapkan dapat membina keyakinan pelajar melalui *hands-on* eksperimen serta menanamkan minat kepada ilmu sains pada usia yang muda.

BANTUAN MAKANAN PERCUMA KUIS

- 3 Hari Seminggu

BANTUAN MAKANAN BERBUKA PERCUMA KUIS

- Setiap Isnin dan Khamis

gin melihat generasi akan datang maka perlu melihat generasi yang ada pada hari ini," katanya.



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER



Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buwat masa ini dan bagi kerja/bekalan berikut -

| Pejabat yang Memanggil Tender | Tajuk Projek | Taraf/Jenis Syarikat* | Gred, Kategori, Pengkhususan/Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala | Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama | Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup |
|--|--|-----------------------|--|--|--|---|
| Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor | PEMASANGAN SISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN PENTADBIRAN MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN | Terbuka | Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), UPEN Pengkhususan: 210101, 210102, 210103, 210104 & 210105 | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 15/02/2016 (Isnin) 29/02/2016 (Isnin) | RM250.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 07/03/2016 (Isnin) Sebelum Pada Jam 12.00 tengahari. |

Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Elektrik, JKR Selangor. No. Tel: 03 55447734

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya PENAMA yang tercatat di dalam siji PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan siji-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan siji ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

*Jenis Syarikat T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)

Tempatan:

A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Wanita Malaysia kuasai 53.6 peratus pasaran kerja

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Sebanyak 53.6 peratus pasaran kerja di negara ini dikuasai golongan wanita, menurut *World Bank Study* pada 2012.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata

Malaysia meletakkan sasaran 55 peratus penglibatan wanita dalam pasaran kerja pada 2015.

"Menurut *World Bank Study* pada 2012, Malaysia mampu mencapai dividen pertumbuhan sebanyak 0.4 peratus setahun dengan penglibatan tenaga kerja wanita lebih tinggi dalam pasaran kerja," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Kempen #HeForShe Peringkat Selangor di Hotel De Palma Shah Alam, di sini pada 3 Februari lalu.

Pada masa sama, katanya Selangor turut berperanan meningkatkan penglibatan wanita dalam sektor pekerjaan dengan mewujudkan program Selangor

Homemaker.

Katanya program waktu kerja anjal itu membolehkan ibu muda yang mempunyai anak kecil menguruskan aktiviti dan keperluan harian di samping memberi khidmat terbaik kepada majikan.

"Langkah itu menunjukkan komitmen Selangor memastikan tenaga kerja wanita kekal dan

terus meningkat dalam pasaran kerja yang mana ketika ini penglibatannya pada kadar 53.6 peratus.

"Ia adalah penyelesaian kepada masalah wanita berkelulusan dan memiliki skil kerja baik, tetapi mengambil keputusan berhenti kerja untuk mengurus keluarga masing-masing," katanya.



Dr Daroyah Alwi menyerahkan sumbangan kepada balu mangsa, Nur Faizan Habib

Keluarga guru maut disambar petir terima bantuan Kerajaan Negeri

SHAH ALAM - Keluarga Allahyarham Muhammad Farhan Mahsugi, 32, yang meninggal dunia akibat dipanah petir baru-baru ini menerima kunjungan Kerajaan Selangor.

Kunjungan itu diketuai Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, dan disertai Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor serta badan bukan kerajaan (NGO), Sinar Ehsan pada 7 Februari lalu.

Kerajaan Negeri yang bersimpati atas kejadian terbabit turut

menyerahkan sumbangan wang tunai dan barangan keperluan asas kepada keluarga mangsa.

Allahyarham yang merupakan guru di Sekolah Menengah Dato' Harun, Tanjung Karang meninggalkan balu, Nur Faizan Habib, 32, serta dua orang anak berusia lima dan dua tahun.

Terdahulu, Farhan disahkan meninggal dunia selepas terkena renjatan elektrik ketika bersandar di pintu aluminium dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 11, di sini.

Ketika kejadian, beliau bersa-

Kerajaan Negeri menyerahkan sumbangan wang tunai dan barangan keperluan asas kepada keluarga mangsa

ma empat lagi rakannya sedang berteduh daripada hujan selepas menjalani latihan di padang sekolah.

Pelajar putus kaki terima sumbangan HIJRAH RM1,000



KLANG - Siti Nuraisyah Sahrin yang kehilangan kedua belah kaki dalam kemalangan pada 18 Januari lalu menerima sumbangan RM1,000 daripada Yayasan HIJRAH Selangor (HIJRAH).

Sumbangan diserahkan Pengerusi Eksekutif Yayasan HIJRAH, Datuk Mansor Othman ketika menziarahi Nuraisyah yang masih menerima rawatan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang.

Kunjungan itu turut disertai 18 kakitangan HIJRAH Selangor diketuai Pengurus HIJRAH Cawangan Kota Raja, Syukri Ismail dan Ketua Pengurus Ope-

rasi HIJRAH Selangor, Roslim Md Akhir.

Bapa tiri pelajar berkenaan, Roslan Sardi yang juga adalah Usahawan HIJRAH dari Selat Klang turut melahirkan rasa terharu atas keprihatinan yayasan itu membantu keluarganya.

Terdahulu, Nuraisyah, 13, putus kedua belah kaki selepas digilis lori dalam kejadian di Parit 16, Sungai Panjang.

Ketika kejadian, beliau yang sedang membonceng motosikal ditunggang kakak tirinya, Shamin Amirah Roslan, 14, hilang kawalan sebelum dipercayai melanggar kereta dari belakang.

LZS sumbang RM133,400 kepada mangsa banjir

SHAH ALAM - 667 keluarga yang terlibat dalam insiden banjir di Klang menerima sumbangan RM133,400 daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS).

LZS dalam paparan di Facebook berkata, setiap keluarga menerima bantuan bernilai RM200 yang diserahkan pada 3 Februari lalu.

"LZS berharap supaya sum-

bangan itu dapat meringankan bebanan mangsa banjir," katanya.

Difahamkan, semua mangsa sebelum ini ditempatkan di Dewan Hambali Masjid As Syarif Pekan Meru buat sementara waktu.

Kejadian banjir pada 14 Disember lalu membabitkan 37 mangsa dari Kapar, 222 dari Bukit Kapar dan 408 dari kawasan Meru.

SUMBANGAN BAGI TUJUAN

1. Pengajian Al-Quran secara percuma
2. Menyiapkan bangunan Rumah Ngaji di Batu Caves

#KitakanIslam
BUAT KERANA ALLAH

RUMAH MAGHFIRAH REDHAMU
Maklumat lanjut hubungi: 019-2535794
No Akaun: 8602413238 (CIMB)



Saingan Liga Super

Dua import baru mantapkan Selangor



OLEH HAFIZANTAIB

SHAH ALAM - Kehadiran dua penyerang import baru, Patrick Ronaldinho Wleh dan Mauro Olivi dalam pasukan bola sepak Selangor diyakini menjadikannya lebih mantap bagi menghadapi Liga Super musim ini.

Ketua Pasukan, Shahrom Kalam, berkata gandingan kedua penyerang itu memberi kelebihan kepada skuad The Red Giants bersaing dengan pasukan lain.

"Patrick memang sudah biasa dan

tahu liga kita macam mana dan tiada masalah.

"Mauro pun bagi kita tiada masalah kerana dia mudah untuk sesuaikan diri dengan pasukan," katanya kepada media selepas Majlis Pelancaran Jersi Selangor di sini, pada 6 Februari lalu.

Patrick adalah bekas pemain PKNS FC yang dipinjamkan, manakala Mauro adalah pemain kelahiran Argentina daripada kelab Peru, Leon de Huanuco.

Shahrom juga yakin skuad Merah Kuning mampu beraksi cemerlang seperti musim sebelumnya ekoran

pasukan itu berada dalam keadaan baik dengan kerjasama dan semangat juang dimiliki pemain.

Katanya, kekalahan dalam dua perlawanan pra musim di Bangkok, Thailand ketika menentang Nakhon Pathom (2-0) dan Samut Songkhram (4-2) juga tidak meninggalkan kesan kepada pasukan kerana bukan kemenangan dicari.

"Tidak, kerana fokus kami adalah lebih kepada kecergasan dan kami bersilih ganti bermain," katanya.

Shahrom Kalam layak ketuai Red Giants

SHAH ALAM - Pemilihan pemain pertahanan, Shahrom Kalam sebagai Ketua Pasukan Selangor musim ini dianggap tepat ekoran kepimpinan dan prestasi cemerlangnya pada Liga Super musim lalu.

Ketua Jurulatih, Zainal Abidin Hassan, berkata kebolehan Shahrom memimpin pasukan mengagumkan, malah dihormati pemain sekaligus membawa kebaikan kepada pasukan.

"Kita berbincang dengan pihak pengurusan, apa yang baik bagi pasu-

kan dan tugas baik sudah dijalankan Shahrom harus diteruskan," katanya pada 6 Februari lalu.

Kejayaan menjuarai Piala Malaysia musim lalu boleh dianggap prestasi cemerlang dipamer skuad Merah Kuning dipimpin Shahrom.

Beliau berkata, kehadiran bekas ketua pasukan Pahang, Mohd Razman Roslan dalam skuad The Red Giants juga memberi kelebihan ekoran pemain kebangsaan itu mempunyai pengalaman luas.

"Kita mempunyai dua pemain yang boleh menjalankan tugas dan membantu sesama mereka.

"Shahrom memang berhak menjadi ketua pasukan dengan dibantu Razman yang mempunyai pengalaman luas," katanya.

Mohd Razman dilantik penolong ketua pasukan adalah bekas pemain The Red Giants sebelum ini dan ditawarkan kembali menyertai pasukan apabila Zainal mengambil alih tugas daripada Mehmet Durakovic.

Selangor beri saingan hebat ungguli Piala Sumbangsih

SHAH ALAM - The Red Giants berazam memberikan cabaran hebat bagi menewaskan JDT untuk memenangi Piala Sumbangsih di Stadium Larkin, 13 Februari ini.



Zainal Abidin

Perlawanan pembukaan Liga Super menemukan juara Piala Malaysia dan juara liga musim lalu itu tentunya sengit dengan kedua pasukan bakal menurunkan barisan terbaik mereka untuk mengungguli saingan.

Pengurus pasukan, Amirudin Shari, berkata penting bagi Selangor mempamerkan aksi terbaik ke arah mencipta kejayaan serta memenuhi impian pengurusan dan penyokong.

"Kita akan memberikan cabaran terbaik dalam perlawanan Piala Sumbangsih ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Jurulatih, Zainal Abidin Hassan, berkata pasukan perlu mengekalkan semangat juang tinggi untuk menyaingi kekuatan JDT.

"Memang perlawanan hebat dan sengit, tetapi kita perlu menyiapkan diri dan penting bagi pemain menunjukkan disiplin tinggi hingga ke wisel penamat," katanya.

Beberapa perlawanan diharungi dalam pra musim baru-baru ini memberi gambaran kepada Zainal bagi membentuk pasukan dan beliau membayangkan sudah mempunyai jawapan untuk kesebelasan utama Selangor.

"Sudah tentu saya mempunyai bayangan pasukan dan langkah kedua saya ingin menggunakan pemain sepenuhnya kerana pemain yang ada boleh menjalankan tugas dengan baik," katanya.



1,500 meriahkan pelancaran jersi baru Merah Kuning

SHAH ALAM - Dianggarkan lebih 1,500 penyokong dan orang ramai hadir dalam Majlis Pelancaran Jersi pasukan bola sepak Selangor musim ini di SACC Mall, 6 Februari lalu.

Majlis disiarkan secara langsung menerusi media rasmi The Red Giants, TVSelangor (<http://tv.selangorku.com>) juga mendapat sambutan hebat media sosial, selain lebih 3,000 melayari

laman sesawang Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS).

Video pasukan Selangor dilancarkan dalam majlis sama juga mendapat sambutan penonton dengan peningkatan menggalakkan di YouTube - <http://www.youtube.com/watch?v=Mb5Elv6we4>

Pengurus Pasukan, Amirudin Shari; Ketua Jurulatih, Zainal Abidin Hassan, pengurusan pasukan serta Ketua Pasu-

kan, Shahrom Kalam bersama pemain tampil bersama jersi baru disorak penyokong tanda gembira.

Majlis juga meriah dengan persembahan Ratu Rock, Ella yang mendedangkan beberapa lagu popular.

Orang ramai terutama penyokong juga tidak melepaskan peluang ber-selfie dengan pemain serta mendapat kan jersi baru Selangor.

| WAKTU SOLAT SELANGOR | | | | | | | |
|---|-------|-------|--------|-------|------|---------|-------|
| 12 - 19 FEBRUARI 2016 | | | | | | | |
| 3 - 10 JAMADILAWAL 1437H | | | | | | | |
| Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam | | | | | | | |
| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
| 12 Jumaat | 6:00 | 6:10 | 7:26 | 1:30 | 4:50 | 7:29 | 8:40 |
| 13 Sabtu | 6:00 | 6:10 | 7:26 | 1:30 | 4:50 | 7:29 | 8:40 |
| 14 Ahad | 6:00 | 6:10 | 7:26 | 1:30 | 4:50 | 7:29 | 8:40 |
| 15 Isnin | 6:00 | 6:10 | 7:26 | 1:30 | 4:49 | 7:29 | 8:40 |
| 16 Selasa | 6:00 | 6:10 | 7:26 | 1:30 | 4:49 | 7:29 | 8:40 |
| 17 Rabu | 6:00 | 6:10 | 7:26 | 1:30 | 4:49 | 7:29 | 8:39 |
| 18 Khamis | 6:00 | 6:10 | 7:26 | 1:30 | 4:48 | 7:29 | 8:39 |
| 19 Jumaat | 6:00 | 6:10 | 7:26 | 1:30 | 4:48 | 7:29 | 8:39 |
| Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat | | | | | | | |
| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
| 12 Jumaat | 6:02 | 6:12 | 7:30 | 1:32 | 4:52 | 7:31 | 8:42 |
| 13 Sabtu | 6:02 | 6:12 | 7:30 | 1:32 | 4:52 | 7:31 | 8:42 |
| 14 Ahad | 6:02 | 6:12 | 7:30 | 1:32 | 4:52 | 7:31 | 8:42 |
| 15 Isnin | 6:02 | 6:12 | 7:30 | 1:32 | 4:51 | 7:31 | 8:42 |
| 16 Selasa | 6:02 | 6:12 | 7:30 | 1:32 | 4:51 | 7:31 | 8:42 |
| 17 Rabu | 6:02 | 6:12 | 7:30 | 1:32 | 4:51 | 7:31 | 8:41 |
| 18 Khamis | 6:02 | 6:12 | 7:30 | 1:32 | 4:50 | 7:31 | 8:41 |
| 19 Jumaat | 6:02 | 6:12 | 7:30 | 1:32 | 4:50 | 7:31 | 8:41 |

Selangor sedia gempur lawan

SHAH ALAM - Ketua Jurulatih Selangor, Zainal Abidin Hassan membayangkan keyakinan penyandang juara Piala Malaysia itu bagi menghadapi saingan Liga Super musim ini.

Beberapa perlawanan pra musim ditempuhi pemain memberikan gambaran awal kepadanya untuk membentuk pasukan dengan keupayaan dan kelebihan dimiliki pemain sedia ada.

"Memang tidak dinafikan sesiapa sahaja menjadi jurulatih atau pemain Selangor perlu memberikan terbaik.

"Kita tahu di mana tahap Selangor dan saya tidak mahu cakup pasal Petunjuk Prestasi Utama (KPI) atau apa kerana kita sudah tahu Selangor mengejar yang terbaik, maka itulah hasrat saya," katanya pada 6 Februari lalu.

Biarpun mengakui persefahaman pemain dan pasukan mengambil sedikit masa, namun Zainal yakin pengalaman dimiliki dan kemasukan beberapa pemain baru menjadikan skuad The Red Giants semakin mantap dan kukuh.

Beliau juga memberi penekanan terhadap bahagian pertaha-

Kita tahu di mana tahap Selangor dan saya tidak mahu cakup pasal Petunjuk Prestasi Utama (KPI) atau apa kerana kita sudah tahu Selangor mengejar yang terbaik, maka itulah hasrat saya

ZAINAL ABIDIN Ketua Jurulatih Selangor

nan dan serangan ekoran keduanya penting dalam menentukan kemenangan pasukan.

Persefahaman antara dua penyerang import baru, Patrick Ronaldinho Wleh dan Mauro Olivi juga semakin menyakinkan dan menggembirakan Zainal.

"Daripada peringkat awal, saya lihat mereka berdua memang ada sedikit perbezaan tetapi sekarang nampak dapat diperbaiki keserasian.

"Mereka juga gemar bermain bersama kerana penting bagi penyerang kembar untuk bersama dan mereka yang lebih mendapat peluang juga membawa kejayaan kepada pasukan," katanya.



Gambar oleh Asri Suphie

Penyokong The Red Giants berpeluang mendekati ikon pasukan bola sepak itu ketika majlis pelancaran jersi baru FAS bertempat di SACC Mall, Shah Alam.

Kekal unggul Piala Malaysia

Red Giants sasar juara Liga Super

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Selangor meletakkan sasaran menjuarai Liga Super musim ini dan mengekalkan kejayaan Piala Malaysia dimenangi musim lalu.

Pengurus Pasukan, Amirudin Shari, berkata berdasarkan persiapan dilakukan pasukan dalam pra musim, sasaran itu adalah realistik dan boleh dicapai dengan kesungguhan semua pihak.

Katanya, pemantapan The Red Giants tidak sekadar menjalani latihan fizikal, tetapi penekanan sama turut diberi terhadap aspek mentaliti dan psikologi.

"Pada masa sama, kita akan menekankan keyakinan pemain terhadap permainan dan saya percaya jika mereka memberi tumpuan penuh, maka Selangor tiada masalah mencapai sasaran itu.

"Tetapi kita tetap berdepan cabaran sengit dengan beberapa pasukan seperti JDT, Terengganu dan lain-lain," katanya selepas Majlis Pelancaran Jersi Selangor di sini, pada 6 Februari lalu.



Berkenaan insentif jika mencapai sasaran, beliau berkata, perkara itu pasti akan ditunaikan, namun bukan untuk diumumkan.

Katanya, berdasarkan rekod pasukan, pemberian insentif itu diberikan apabila kejayaan diraih Merah Kuning seperti muncul

juara Piala Malaysia musim lalu.

"Tetapi dari daripada sesi awal atau 'team building' dijalankan, kita tekankan kepada pemain bahawa sebahagian besar cita-cita mereka adalah kemahuan dan keyakinan mereka.

"Bukan kerana insentif dan ia hanya sedikit nilai tambah iaitu

kira-kita lima, enam atau 10 peratus daripada segalanya," katanya.

Ketua pasukan, Shahrum Kalam berkata, sasaran ditetapkan pasukan itu dilihat tidak mustahil untuk dicapai dan beliau bersama rakan sepasukan akan berusaha bersungguh-sungguh bagi tujuan berkenaan.

"Gong Xi Fa Cai, Xin Nian Kuai Le."



Selamat Tahun Baru Cina 2016



Daripada Kerajaan Negeri Selangor

福

GONG XI FA CAI
2016

